

No. Kelas: .....

No Perolehan: .....

Tarikh: .....

MAK NYAH

Suraiya bt. Syed Mohamed

No. Matrik 50981

Latihan Ilmiah

Bagi Memenuhi Sebahagian

Daripada Syarat-syarat Untuk

Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Sesi 1988/89

Bilik Sumber

Jabatan Antropologi & Sosiologi

Universiti Malaya

PENGHARGAAN

Alhamdullillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan dan kemahuannya juga, latihan ilmiah ini dapat disiapkan. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih khas buat Encik Abdul Hadi Zakaria selaku penyelia saya yang telah banyak berjasa dan tidak jemu-jemu memberi nasihat, bimbingan, pandangan serta idea dan teguran yang membina sehingga terhasilnya latihan ilmiah ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada mereka yang di bawah ini:-

1. Semua para pensyarah yang telah memberi tunjukajar dan sumbangan semasa saya menuntut di Universiti Malaya.
2. Dua puluh orang responden yang telah sudi memberi kerjasama semasa temubual dan soalselidik dijalankan.
3. Pihak-pihak dan orang-orang tertentu yang terlibat dalam menghulurkan bantuan bagi menyempurnakan lagi latihan ilmiah ini.
4. Juga, ucapan terima kasih buat Encik Khairi Razali atas bantuan beliau dalam usaha saya menyiapkan latihan ilmiah ini.

Sekian, wassalam.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.  
1hb. November 1988.

Suraiya bt. Syed Mohamed  
No. Matrik 50981

DAFTAR KANDUNGAN

Muka Surat	
PENGHARGAAN	(i)
DAFTAR KANDUNGAN	(ii) - (iii)
SENARAI JADUAL	(iv)
SENARAI GAMBAR	(v)
SENARAI RAJAH	(vi)
SENARAI LAMPIRAN	(vii)
SINOPSIS	(viii) - (ix)

## BAB 1

1.1 Tujuan Kajian	1
1.2 Bidang Kajian	2
1.3 Kepentingan Kajian	3
1.4 Pengumpulan Data-Data	5
1.5 Masalah Dalam Pengkajian	10

## BAB 2

2.1 Siapa Itu Mak Nyah?	14
2.2 Perbezaan Antara Transeksual, Transvestit Dan Homoseksual	18
2.3 Teori-Teori Yang Berkait	21
2.4 Proses Pembentukan Identiti Mak Nyah	27
2.5 Pembedahan Tukar Seks	31

## Muka Surat

## BAB 3

3.1 Latar Belakang Sosio-Ekonomi	34
3.2 Tingkahlaku Seksual	41
3.3 Hobi	46
3.4 Tingkat Pencapaian Pendidikan	47
3.5 Pekerjaan, Pendapatan Dan Perbelanjaan	49

## BAB 4

4.1 Jantina - Lelaki Dan Perempuan	61
4.2 Transeksualisma Mengikut Kacamata Islam	62
4.3 Pendapat Tentang Fatwa Yang Melarang Penukaran Jantina	65
4.4 Masalah Golongan Mak Nyah	68
4.5 Penyelesaian Masalah Mak Nyah	82

BAB 5 Kesimpulan	86
------------------	----

Bibliografi

Lampiran

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1.2 Umur responden yang dikaji	34
3.1.4(a) Kawan bermain semasa kanak-kanak	36
3.1.4(b) Alat mainan dan permainan pada masa kanak-kanak	37
3.1.5(a) Umur pada masa mula berpakaian silangan	37
3.1.5(b) Tempat pertama mula berpakaian silangan	38
3.1.6 Tindak balas keluarga terhadap pakaian silangan	39
3.1.7 Umur mula menyedari akan transeksualisme	40
3.2.1 Umur mula menyedari tentang keperluan seksual	42
3.2.2(a) Umur semasa pertama kali mengadakan hubungan seks	42
3.2.2(b) Peranan seks	43
3.4 Peringkat pencapaian pendidikan	48
3.5.1 Jenis pekerjaan utama Mak Nyah	57
3.5.2 Pendapatan	58
4.3 Pendapat tentang fatwa yang melarang penukaran jantina	65

SENARAI GAMBAR

Gambar	Muka Surat
3.5.1(a) Beraksi dengan meniru gaya Anita Sarawak	52
3.5.1(b) Menari - 'Dancing Performance'	53
3.5.1(c) Nyanyian - salah satu bidang yang diceburi	53
3.5.1(d) Memiliki wajah yang sungguh feminin menceburkan diri dalam bidang 'modelling'	55
3.5.1(e) Bersiap sedia di belakang pentas untuk mengadakan pertunjukan fesyen	56

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

4.1 Kontinuum Lelaki - Perempuan

61

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

- A Keputusan Persidangan Raja-Raja pada 24hb. Februari 1983.
- B Keratan akhbar - penglibatan Mak Nyah dalam peraduan fesyen
- C Fakta yang jelas ..... dan yang kabur
- D Senarai statut yang membezakan antara lelaki dan perempuan
- E Keratan-keratan akhbar - kesalahan-kesalahan yang dikaitkan dengan Mak Nyah
- F Nasib Si Pondan
- G Nasihat-nasihat dari pihak berkuasa agama.

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini cuba mengupas persoalan golongan Mak Nyah (transeksual) yang dianggap oleh masyarakat telah melakukan suatu penyelewengan seksual dan juga pelakuan devian. Mungkinkah kerana sikap dan reaksi masyarakat itu sendiri yang menyebabkan timbulnya masalah tersebut? Adakah perkara ini harus disingkirkan, digalakan atau dibiarkan begitu sahaja? Bagi menjawab persoalan-persoalan semacam ini dan mungkin beribu lagi persoalan lain, pengkaji telah memuatkan hasil kajiannya dalam lima bab yang merangkumi perkara-perkara berikut.

Bab pertama merupakan bab pengenalan, menyentuh serba sedikit mengenai tujuan kajian, bidang kajian dan kepentingan kajian. Seterusnya disentuh mengenai cara data-data dikumpulkan dan masalah-masalah yang timbul semasa melakukan kajian.

Bab kedua dimulai dengan menjawab soalan, Siapa itu Mak Nyah? Ini kemudiannya disusuli dengan perbezaan antara transeksual, transvestit dan homoseksual. Pengkaji meneruskan lagi dengan membincangkan teori-teori yang berkaitan dengan Mak Nyah, pembentukan identiti Mak Nyah dan pembedahan tukar jantina di kalangan mereka.

Bab ketiga - cuba menyingkap latar belakang sosio-ekonomi golongan Mak Nyah di mana ianya meliputi jantina semasa mereka dilahirkan, umur, kumpulan etnik, pengalaman semasa kanak-kanak, berpakaian silangan dan kesedaran transeksualisme serta sikap keluarga mengenai kedua-dua perkara tersebut. Pengkaji kemudian-nya menyentuh mengenai tingkahlaku seksual, hobi, tingkat pencapaian pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan perbelanjaan Mak Nyah.

Dalam bab keempat pengkaji membincangkan mengenai pengkategorian lelaki - perempuan, transeksualisme mengikut kacamata Islam, pendapat tentang fatwa yang melarang penukaran jantina, masalah dan penyelesaian masalah golongan Mak Nyah ini.

Bab kelima merupakan bab kesimpulan di mana pengkaji merumuskan masalah Mak Nyah dengan disertakan sekali pandangan pengkaji mengenainya.

### 1.1 Tujuan Kajian

Latihan ilmiah ini bertujuan untuk menjawab soalan; Siapa itu Mak Nyah? Mak Nyah sebagai satu fenomena kecelaruan identiti seksual masih lagi dalam kesamaran, kekaburan dan kekeliruan. Pengkaji cuba mengenali Mak Nyah dari segi fizikal dan psikologikal. Memahami mereka sebagai satu fenomena dalam masyarakat tempatan.

Transeksual, adakah satu perbuatan jenayah atau pelakuan devian? Transeksual (Mak Nyah) adalah merupakan satu perbuatan devian = 'doing deviance' yakni lanjutan kepada perbuatan, kelakuan ataupun orang yang berperangai bertentangan dengan jantina anatominya. Orang yang mempunyai ciri-ciri devian boleh dilihat dari segi fizikal, biologi dan juga anatominya.

Beberapa teori penyelewengan cuba dikaitkan dalam persoalan mengenai Mak Nyah ini. Pengkaji cuba melihat pembentukan identiti golongan Mak Nyah dan cuba menyingkap profail sosioekonomi mereka bagi menjelaskan persoalan identiti mereka di dalam masyarakat yang menyeleweng dari norma-norma masyarakat.

Pengkaji juga cuba memberi gambaran kepada masyarakat umum terhadap dilema, masalah serta harapan golongan Mak Nyah yang tidak mahu dikenali sebagai Mak Nyah tetapi sebagai wanita yang dihargai dan dihormati oleh masyarakat sekelilingnya. Untuk ini, pengkaji mengkaji masalah seksual yang dihadapi oleh golongan Mak Nyah, adaptasi mereka ke dalam masyarakat, sikap masyarakat terhadap mereka dan sebagainya.

Akhirnya, pengkaji cuba menyarankan beberapa cara penyelesaian kepada masalah golongan Mak Nyah tadi dengan harapan masalah mereka dapat diatasi secepat yang mungkin. Dengan ini juga, pengkaji memberikan pandangannya bahawa Islamlah alternatif yang paling sesuai untuk digunakan bagi mengatasi segala masalah Mak Nyah.

#### 1.2 Bidang Kajian

Perbincangan adalah terhad kepada mereka yang menganggap dirinya perempuan walhal mereka dianggap oleh keluarga dan masyarakat sebagai lelaki (diistilahkan sebagai Mak Nyah) dan tidak merangkumi mereka yang menganggap dirinya lelaki walhal dianggap oleh keluarga dan masyarakat sebagai perempuan (mungkin diistilahkan sebagai Pak Nyah?). Ini adalah kerana kekurangan kajian, sumber serta maklumat yang pengkaji perolehi tentang mereka setakat ini. Tambahan pula, kejadian transeksualisme didapati biasanya lebih tinggi di kalangan jantina lelaki daripada jantina perempuan. Dengan ini, pendapat tradisional yang mengatakan bahawa perbuatan devian banyak dilakukan oleh orang lelaki adalah menepati keadaan di sini.

Tinjauan dilakukan di sekitar bandaraya Kuala Lumpur, memandangkan terdapat ramai Mak Nyah yang bertumpu di sini bagi merebut peluang pekerjaan, menjauhkan diri mereka dari pandangan keluarga, orang kampung dan juga kenalan mereka; di samping terdapatnya kemudahan-kemudahan lain. Dengan ini juga, pendapat tradisional yang mengatakan bahawa kebanyakan perbuatan devian jauh lebih banyak terjadi di kawasan bandar berbanding dengan kawasan luar bandar adalah

benar dalam kes transeksualisme ini. Mengikut pendapat tradisional kawasan bandar banyak menyediakan kemudahan atau kesempatan bagi individu untuk melakukan devian. Di samping itu, sistem kawalan formal dan informal di bandar dikatakan agak lemah menjamin perbuatan devian tidak diketahui oleh orang ramai.

Jumlah responden yang dapat ditemubual, disoalselidik dan diperhatikan pada masa kajian dijalankan ialah seramai dua puluh orang Mak Nyah (transeksual). Selain daripada itu, terdapat orang perseorangan yang terdiri dari lelaki simpanan Mak Nyah, sahabat dan juga ahli keluarga mereka yang turut menyumbangkan sedikit sebanyak idea sebagai maklumat tambahan mengenai golongan Mak Nyah.

Kajian ini sebenarnya cuba membentangkan serta mengupas satu persatu persoalan mengenai golongan Mak Nyah yang merangkumi definisi, teori-teori yang berkaitan, pembentukan identiti, pembedahan tukar seks, profail sosioekonomi, tingkah laku seksual, hobi, kedudukan, dilema serta masalah, pandangan masyarakat, harapan dan juga cadangan yang diselitkan dengan beberapa penyelesaian yang tertumpu khas pada golongan Mak Nyah. Maklumat-maklumat yang didapati diperlucutai mampu menjelaskan perkara-perkara di atas.

### 1.3 Kepentingan Kajian

Transeksualisme sebagai satu bidang penyelidikan masih dianggap sepi serta diabaikan. Penerangan yang salah dan kekurangan maklumat umum dalam bidang ini telah mendorong pengkaji memusatkan kajiannya khusus terhadap golongan Mak Nyah ini, agar segala salah tanggapan dapat dihindarkan.

Dirasakan juga adalah wajar menumpukan masa untuk membuat penyelidikan atas masalah ini dalam usaha membekalkan rawatan terhadap golongan Mak Nyah. Selain daripada persoalan rawatan ini, adalah wajar bagi kajian ini dari segi masalah-masalah teori asas.

Pengkaji cuba memaparkan pandangan masyarakat umum terutamanya masyarakat tempatan terhadap golongan Mak Nyah. Dalam erti kata lain adakah masyarakat tempatan memikirkan anasir itu merupakan satu gejala yang kurang sihat ataupun satu gejala yang harus diperkekalkan atau digalakkan. Apakah ianya harus mendapat kecaman atau galakan daripada masyarakat?

Oleh yang demikian, pengkaji merasakan adalah menjadi tanggung jawab sosial baginya untuk mengupas persoalan mengenai golongan Mak Nyah agar dapat mengenali persoalan tersebut dengan lebih dekat. Juga diharapkan kajian ini dapat membuka mata serta menyedarkan masyarakat agar tidak memandang serong terhadap golongan ini.

Kepentingan masalah jelas terbukti bilamana kerajaan telah mengiktiraf kaum tersebut di negara ini dengan tertubuhnya sebuah persatuan bagi memperjuangkan nasib mereka. Persatuan Mak Nyah Wilayah Persekutuan (PMWP) naungan Jabatan Kebajikan Masyarakat ditubuhkan pada 13hb. Mac 1986 untuk menjaga kepentingan mereka mempunyai ahlinya seramai 353 orang.<sup>1</sup>

---

1. Sumber - pita rakaman yang diperolehi dari salah seorang Mak Nyah. Petikan dari ucapan yang dihuat oleh Encik Wong Sui Leong, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Wilayah Persekutuan.

Diharapkan melalui kajian ini akan menjadi titik tolak kepada pengkaji lain yang berminat untuk mengkaji masalah golongan Mak Nyah di masa-masa akan datang. Justeru itu, pengkaji merasakan perlu untuk menyingkap masalah mereka agar dapat dijadikan sebagai sebahagian daripada bahan kajian tempatan.

#### 1.4 Pengumpulan Data-Data

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kajian kes di mana pengkaji melihat sesuatu unit sosial itu secara keseluruhannya pada tahap mikro sebagai mewakili gambaran masalah pada tahap makro. Dalam erti kata lain, pengkaji memilih sekumpulan Mak Nyah yang terdapat di Kuala Lumpur untuk dikaji secara keseluruhannya dan mengandaikannya mewakili bagi seluruh Mak Nyah di Malaysia.

Data-data dikumpul dari:-

- (a) Dua puluh orang responden yang terdiri dari golongan Mak Nyah.
- (b) Orang awam yang mempunyai hubungan dengan golongan Mak Nyah, seperti;
  - (1) 'kendak' (lelaki simpanan Mak Nyah)
  - (2) sahabat karib Mak Nyah
  - (3) mereka yang mempunyai pertalian darah dengan Mak Nyah.

Kaedah penyelidikan atau methodologi yang digunakan agak berbeza; di mana bagi golongan Mak Nyah itu sendiri, data-data dikutip dengan menggunakan kaedah:-

- (i) Temubual Informal
- (ii) Pemerhatian Ikut Serta
- (iii) Analisa Isi Kandungan (content analysis)

Manakala bagi orang awam, kaedah yang digunakan ialah;

- (i) Temubual Informal
- (ii) Analisa Isi Kandungan

Dalam menjalani kajian, penulis lebih menumpukan kepada kaedah kajian luar di samping kajian perpustakaan.

#### A. Temubual Informal

Salah satu kaedah utama yang digunakan oleh pengkaji bagi menguraikan masalah Mak Nyah. Ianya lebih merupakan kaedah yang melibatkan komunikasi langsung antara penyelidik dengan responden.

Melalui kaedah ini responden berpeluang untuk bercakap secara bebas sementara pengkaji melonggarkan batasan perkara-perkara yang perlu disentuh. Ini dilakukan dengan menggunakan kaedah 'schedule' (satu siri soalan-soalan yang disoal). Soalan-soalan yang tidak berstruktur lebih banyak digunakan di sini.

Melalui kaedah ini, pengkaji memperolehi berbagai maklumat. Di antaranya ialah faktor-faktor yang menyebabkan responden menjadi Mak Nyah, latar belakang sosioekonomi mereka, tingkah laku seksual di kalangan mereka, hobi, pendidikan, pekerjaan, pendapatan serta perbelanjaan mereka, pendapat Mak Nyah tentang fatwa, serta masalah mereka.

Pengkaji menggunakan kaedah ini semasa berbual-bual dan berkenal mesra dengan responden, semasa berehat-rehat dan juga di mana-mana sahaja bila difikirkan perlu. Haruslah diingat bahawa

tidak ramai Mak Nyah yang suka disoalselidik. Oleh itu, pendekatan melalui kaedah temubual secara informal adalah lebih berkesan digunakan daripada temubual secara formal. Soalan-soalan yang diajukan haruslah secara bersahaja.

Hubungan baik dengan responden (rapport) haruslah dijalinkan terlebih dahulu agar pengkaji dapat mengumpul dan mencungkil maklumat dari respondennya terutama hal-hal peribadi. Hubungan rapport tidaklah semudah untuk dijalinkan. Jika ianya berjaya, maka maklumat yang benar dan tepat boleh diperolehi.

Hubungan rapport boleh didapati apabila pengkaji dapat mengadaptasikan dirinya dalam kumpulan Mak Nyah. Sebelum responden di temubual, sedikit masa perlu dihabiskan untuk berkenal mesra dengan mereka. Ini amatlah penting supaya pengkaji dapat mengenal mereka dengan lebih dekat lagi, memahami dan mengalami sendiri keadaan kehidupan mereka. Dengan ini juga, pengkaji diterima baik dalam komuniti mereka dan tidak dianggap sebagai penceroboh.

#### B. Pemerhatian Ikut Serta

Kaedah ini merupakan kaedah utama bagi memungut data kelakuan 'non verbal'. Kaedah ini membolehkan pengkaji melihat dan mengalami sendiri segala bentuk dan kegiatan yang dijalankan oleh respondennya. Sebarang pergerakan atau kegiatan serta aktiviti direkodkan dalam buku catitan agar segala maklumat yang didapati tidak tertinggal.

Kaedah ini digunakan setiap kali pengkaji menemui respondennya. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih jitu, pengkaji sanggup bermalam di rumah sewa Mak Nyah selama dua malam bertemankan seorang pembantu. Justeru itu, hubungan rapport haruslah terjalin lebih dahulu di antara pengkaji dan respondennya. Ini adalah kerana mereka enggan membenarkan orang luar yang tidak diketahui latar belakangnya bermalam bersama-sama mereka.

Dalam keadaan ini, pengkaji amat bernasib baik kerana mengenali salah seorang anggota atau penghuni rumah itu (terdiri dari Mak Nyah juga), sejak kecil lagi. Perkenalan rapat pengkaji dengannya membolehkan pengkaji diterima dengan agak mudah oleh penghuni lain rumah tersebut.<sup>2</sup> Peluang bermalam dengan Mak Nyah di bawah satu bumbung ini digunakan sebaik-baiknya oleh pengkaji dalam memahami kehidupan seharian golongan tersebut. Langkah tersebut begitu berkesan sekali kepada pengkaji sehingga dapat menjawai kehidupan Mak Nyah.

Di antara maklumat-maklumat yang diperolehi melalui kaedah penyertaan pemerhatian ini ialah; cara Mak Nyah bersolek atau berdandan ketika mahu pergi kerja dan ketika mahu mengadakan pertunjukan, cara mereka memasak ketika di hujung minggu, dapat menyaksikan persembahan yang mereka adakan di hotel-hotel ternama<sup>3</sup> dan sebagainya.

- 
2. Penghuni rumah terdiri daripada empat orang Mak Nyah.
  3. Persembahan Mak Nyah di Hotel Shang Ri La, Kuala Lumpur - Club Oz.

Persembahan yang diadakan di hotel-hotel ternama didapati amat baik sekali. Mereka berjaya memukau penonton dengan aksi atau gaya nyanyian dan tarian mereka. Pengkaji amat mengagumi kebolehan mereka yang boleh disamatarafkan dengan penyanyi-penyanyi terkenal seperti Anita Sarawak, Sharifah Aini dan lain-lain lagi. Bakat seni yang ada pada diri mereka jika diasah lagi boleh meningkatkan mereka ke taraf antarabangsa.

C. Analisa Isi Kandungan (content analysis)

Analisa isi kandungan merupakan satu teknik pungutan data di mana pengkaji akan mengupas dan menganalisa isi kandungan bahan-bahan kajian. Untuk mendapatkan data bagi kajian ini, pengkaji bergantung kepada beberapa buku-buku yang didapati di perpustakaan, risalah-risalah, keratan akbar serta majalah.

Disebabkan kajian ini merupakan satu kajian sosiologi di mana iaanya didasarkan kepada 'case study approach' maka penggunaan kaedah 'library research' digunakan kerana pendekatan kajian begini sering mengkehendaki pengesahan perkembangan satu-satu objek sosial yang dikaji itu. Di sini kaedah 'library research' banyak membantu dalam mendapatkan data-data asli bersabit dengan bidang kajian yang dijalankan.

Selain daripada itu, pengkaji juga menganalisa isi kandungan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan kaum Mak Nyah seperti kertas-kertas kerja seminar (Seminar Mak Nyah 1987: K.L.; kertas-kertas kerja seminar Mak Nyah yang berlangsung pada 24-25 Oktober 1987

di K.L.) dan kertas projek (Socio-Legal Aspects of Transsexualism and Sex Reassignment Surgery by Yuet Kit Lee).

### 1.5 Masalah Dalam Pengkajian

Penyelidikan yang kecil ini tidak terlepas sama sekali dari-pada menghadapi masalahnya yang tersendiri. Antara masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkaji adalah seperti berikut:-

#### (i) Kekurangan pengetahuan mengenai Mak Nyah

Ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah amat terhadnya huraian dan penerangan dalam buku-buku ilmiah yang boleh dijadikan tanggapan asas. Bilangan Mak Nyah yang agak kecil menjadikan kehadiran mereka dalam masyarakat tidak nyata. Ini ditambah pula oleh keadaan di mana setengah-setengah pihak yang mempercayai bahawa mereka itu kaum perempuan sebenarnya.

Begitu juga dengan pemikiran masyarakat yang menganggap hal-hal mengenai Mak Nyah tidak harus diperbesarkan. Pemikiran tokoh-tokoh ugama tempatan misalnya, menganggap bahawa perkara yang dilakukan oleh Mak Nyah sebagai perbuatan yang haram, berdosa dan bertentangan dengan ugama mereka. Bagi mereka, fenomena ini tidak harus wujud dan kalau sekalipun ianya wujud, ia harus dipandang sepi.

(ii) Kesukaran mendapatkan maklumat dari responden

Untuk mendapatkan maklumat yang sah daripada responden menjadi satu perkara yang agak rumit. Pada peringkat awal temubual mereka di dapati tidak berminat untuk menjawab soalan-soalan yang menyentuh hal-hal peribadi mereka secara langsung. Namun demikian, dalam jangka waktu yang lebih lama dan perkenalan pengkaji dengan responden semakin rapat, beberapa fakta dan data-data dapat diperolehi dengan membuat pendekatan-pendekatan yang menyenangkan mereka.

(iii) Masalah pendekatan

Mak Nyah lebih gemar dianggap sebagai benar-benar perempuan. Dengan itu, pendekatan pengkaji hendaklah dengan cara yang lemah lembut dan menyenangkan mereka. Oleh kerana golongan ini amat sensitif, pengkaji haruslah sentiasa berwaspada agar tidak menyinggung perasaan mereka. Walaupun pengkaji merupakan seorang wanita, masalah ini tetap timbul kerana sifat kewanitaan Mak Nyah ini adakahanya melebihi sifat kewanitaan yang ada pada wanita biasa yang normal.

(iv) Masalah kerjasama

Terdapat setengah daripada responden yang tidak atau kurang memberikan kerjasama yang dikehendaki oleh pengkaji. Bagi golongan Mak Nyah itu sendiri misalnya, ada di antara mereka yang tidak senang apabila disoalselidik. Malah ada yang tidak menjawab soalan yang dikemukakan oleh pengkaji kepadanya. Pernah pada suatu ketika pengkaji meminta izin tuan punya kedai **salun** (yang mana tuan punya

dan pekerja-pekerja kedai salun terdiri dari Mak Nyah) untuk mengambil gambar sekitar kawasan kedai salunnya, tetapi beliau enggan memberi keizinan. Bagi pihak awam pula, fenomena ini dianggap sepi, kerana hal ini tidak termasuk di dalam bidang kerja dan tanggung jawab mereka. Oleh kerana itu, mereka enggan memberi sebarang pandangan terhadap golongan Mak Nyah.

(v) Bias

Maklumat atau kenyataan palsu diberikan terutama sekali ketika mereka mengenalkan diri mereka. Hakikatnya mereka adalah lelaki, tetapi mereka agak keberatan malah ada yang enggan memberi nama asal mereka mengikut dokumen-dokumen seperti surat beranak dan kad pengenalan. Pengkaji tidak dapat memaksa mereka dalam hal ini. Maklumat palsu akan mengakibatkan pemahaman pengkaji terjejas serta hasil kajian menjadi bias dan kurang tepat.

(vi) Pandangan masyarakat

Pengkaji juga menghadapi satu dilema di mana timbul salah sangka orang ramai terhadap motif pengkaji. Pada pendapat mereka, pengkaji bukan sahaja menyelidik dan mencari data-data yang diperlukan, tetapi dianggap secara langsung mempunyai hubungan dengan golongan Mak Nyah. Hal ini tidak dapat diatasi oleh pengkaji.

(vii) Masalah peribadi pengkaji

Oleh kerana sebahagian besar daripada aktiviti kaum Mak Nyah dijalankan pada sebelah malam, ini juga merupakan masalah kepada pengkaji yang terdiri dari seorang wanita. Untuk mengatasi masalah ini, seorang pembantu lelaki diperlukan untuk dijadikan teman sepanjang kajian dijalankan. Selain daripada itu, masalah kekurangan sumber kewangan dan masa yang terhad juga merupakan masalah yang harus dicari jalan keluar.

## 2.1 Siapa Itu Mak Nyah?

Mak Nyah merupakan satu istilah yang digunakan untuk mengenali sekumpulan manusia yang dilahirkan dengan ciri-ciri biologinya lelaki tetapi dari segi kejiwaannya cenderung kepada keperempuanan. Istilah Mak Nyah boleh dikatakan baru digunakan secara meluas di Malaysia. Oleh kerana sebelum itu penggunaannya adalah lebih terhad kepada negeri-negeri tertentu sahaja, termasuk di Kuala Lumpur. Istilah-istilah lain juga digunakan seperti 'pondan', 'bapok', 'adik-adik', 'kedi', 'khunsa' dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa istilah transeksual adalah paling tepat untuk digunakan apabila dimaksudkan dengan Mak Nyah di sini.

Bila istilah-istilah seperti di atas digunakan di dalam masyarakat, ianya tidak digunakan dengan maksud yang tepat dan khusus. Ini adalah kerana masyarakat masih belum lagi memahaminya dengan jelas. Masyarakat umum di Malaysia sebahagian besarnya tidak mengenali siapa itu Mak Nyah, malah ada pula yang tidak pernah kenal dengan istilah Mak Nyah. Walau bagaimanapun, kebanyakan istilah di atas terutamanya 'pondan' digunakan oleh masyarakat terhadap golongan Mak Nyah ini; kecuali istilah '**Mak Nyah**' dan '**Adik-adik**' yang seringkali digunakan oleh kumpulan itu sendiri.

Istilah '**Mak Nyah**' dan '**Adik-adik**' dipakai oleh kumpulan transeksual ini tanpa merasakan bahawa istilah itu berbentuk cemuh-an. Namun begitu, seperti dengan istilah-istilah lain, selagi lama dan meluas istilah '**Mak Nyah**' ini digunakan, pandangan serta penilaian negatif akan timbul juga jika masyarakat umumnya tidak ingin memahami dan menerima kewujudan kumpulan ini sebagai anggota

masyarakat. Pandangan sepi masyarakat terhadap golongan Mak Nyah haruslah dihapuskan dengan segera.

Mc Carv (1978) menggunakan istilah inversi peranan seksual sebagai menjelaskan keadaan Mak Nyah. Baginya, Mak Nyah merupakan satu keadaan di mana anatomi seksual seseorang itu tidak secucuk atau tidak sesuai serta bertentangan pula dengan orientasi peranan seksualnya. Kebanyakan mereka yang berkeadaan begini adalah lelaki walaupun masih terdapat wanita-wanita yang menjadi transeksual. Oleh kerana kebanyakannya di antara transeksual adalah lelaki, sudut pandangan Mak Nyah ditinjau dari aspek lelaki ini. Justeru itu, Mak Nyah adalah seorang lelaki yang secara fizikal dan fisiologinya lelaki tetapi dari segi kejiwaannya cenderung kepada kejiwaan perempuan.

Tollison dan Adam (1979) pula menyatakan bahawa Mak Nyah itu adalah mereka yang menganggap diri mereka sebagai kumpulan jantina yang bertentangan dengan jantina biologikal mereka. Tegasnya mereka menganggap diri mereka wanita walaupun dari segi biologinya mereka itu lelaki. Dirasakan dirinya yang sebenar adalah seorang wanita yang terperangkap dalam tubuh lelaki. Begitu juga halnya dengan transeksual wanita (Pak Nyah?) merasakan dirinya yang sebenar adalah seorang lelaki yang terperangkap dalam tubuh wanita.

Money (1980) menggunakan istilah Transposisi Seksual untuk menerangkan fenomena Mak Nyah ini. Menurut Money, transposisi seksual di kalangan Mak Nyah adalah kekal, berterusan dan menyeluruh jika dibandingkan dengan alat kelamin luaran asal dan penentuan

jantina di peringkat kelahiran dan pembesaran awal. Tegasnya, seseorang Mak Nyah itu setelah membuat transposisi seksual ini akan kekal menjadi seorang wanita walaupun ia dilahirkan dan dibesarkan sebagai lelaki. Transposisi seksual yang dilakukan itu begitu menyeluruh dan ini menyebabkan Mak Nyah berkenaan mendesak untuk mendapatkan penukaran jantina melalui rawatan pembedahan dan hormonan; untuk menselaraskan tubuh dengan fikiran dan perasaan. Walaupun begitu, secara prosedurnya penukaran jantina bukanlah proses 'sembuhan' tetapi pemulihian semula identiti seksual yang bercelaru.

DSM III (1980) melihat transeksual sebagai sebahagian daripada sindrom kecelaruan identiti genus yang mana sindrom ini diwatakkkan sebagai seorang individu yang merasa tidak selesa dan tidak secucuk mengenai anatomi seksualnya dan mempunyai tingkahlaku jantina yang bertentangan dengannya. Tegasnya, mengikut DSM III ini, seseorang Mak Nyah itu merasa tidak selesa dan tidak secucuk menjadi seorang lelaki dan sering menunjukkan tingkahlaku keperempuanan.

Menurut DSM III lagi, di kalangan Mak Nyah ini terdapat usaha yang berterusan untuk menghapuskan zakar sebagai tanda kelakiannya itu dan sangat berkeinginan pula untuk menjadi wanita sepenuhnya dan hidup sebagai wanita biasa. Individu yang begini seringkali mengeluh dan merungut mengenai ketidakselesaan pakaian lelaki dan berusaha untuk mendapatkan dan memakai pakaian perempuan. Mereka merasa jijik terhadap zakarnya yang mana akhirnya mendesaknya melakukan sesuatu untuk menukar zakarnya kepada alat jantina yang lebih sesuai dengan perwatakan kewanitaannya itu.

Ini bermakna golongan Mak Nyah mahu melakukan pembedahan penukaran jantina supaya ia betul-betul menjadi wanita selari dengan perasaannya. Ia juga mendapatkan rawatan hormonan (pil hormon untuk membesarkan buah dada dan vitamin untuk kulit muka) bagi menjelaskan lagi kewanitaannya itu. Malah terdapat kes di mana mereka membunuh diri apabila jalan penyelesaian tidak ditemuinya.

Carrera (1981) mendefinisikan transeksual atau Mak Nyah sebagai seorang individu yang dilahirkan dengan ciri-ciri biologinya lelaki tetapi merasa dan mempercayai dirinya sepatutnya dilahirkan sebagai perempuan. Satu kesilapan biologikal telah berlaku di mana individu ini telah disalahlahirkan ke dalam tubuh yang tidak sesuai dan bertentangan pula dengan jiwanya.

Roberto (1983) mendefinisikan Mak Nyah sebagai satu keadaan di mana ketidaksinambungan (discontinuity) anatomi identiti seksual telah terjadi dan dialami. Ketidaksinambungan ini memberi pengertian bahawa seseorang yang normal dari segi biologinya berada dan menjadi ahli kepada kumpulan jantina yang bertentangan dengan jantina asalnya. Ini membayangkan kenormalan biologikal lelaki tetapi ketaknormalan perasaan yang menyusuli kelakian itu kemudiannya. Malahan ia mempunyai perasaan yang bertentangan iaitu perasaan keperempuanan.

Ternyata sekali bahawa Mak Nyah sebenarnya merupakan seorang lelaki yang bergerak-geri sebagai perempuan, memakai pakaian perempuan, suka melakukan sesuatu yang biasanya dilakukan oleh seorang

perempuan, menunjukkan minat seks terhadap kaum sejenisnya (lelaki) dan tidak ada nafsu terhadap kaum perempuan, mempunyai alat jantina lelaki (zakar) dan perempuan (buah dada yang membesar hasil dari pemakanan pil hormon atau suntikan hormon) dan berjiwa perempuan.

## 2.2 Perbezaan Antara Transeksual, Transvestit dan Homoseksual

Masyarakat mengkategorikan transeksual, transvestit dan homoseksual sebagai penyimpangan seks. Ketiga-tiganya disalahanggap mempunyai pengertian yang sama dan sering pula dikenali dengan istilah 'pondan'. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang nyata antara berbagai kumpulan ini.

### Transekualisme

Dari segi klinik, diistilahkan sebagai disforia atau sindrom tidak memuaskan (Belli, 1978) dan juga dikenali sebagai gangguan psikoseksual dalam bentuk gangguan identiti jantina. Dalam transekualisme, keyakinan, terkedalam identiti jantina - deria mengetahui seks yang mana kepunyaan seseorang itu. Misalnya, kesedaran bahawa "Saya adalah seorang lelaki" atau "Saya adalah seorang perempuan" dan pengesahan awamnya - "Tiap-tiap satu yang dikatakan atau dilakukan oleh seseorang itu adalah tidak kongruen dengan kenyataan anatomi dan fisiologi". (Money & Walker, 1977)

Satu ungkapan biasa yang selalu digunakan oleh Mak Nyah ialah "Saya adalah seorang perempuan yang terperangkap di dalam tubuh seorang lelaki" dan bagi Pak Nyah? pula adalah sebaliknya. Ber-

ikutannya dengan ini, Lukianowicz (1959) memberikan satu takrif dengan kriteria seperti berikut:-

1. kemahuan memakai pakaian seks yang sebaliknya
2. keinginan dianggap dan diterima secara sosial sebagai anggota seks yang sebaliknya, dan
3. satu gesaan yang berterusan untuk menjalani 'pembedahan penukaran' misalnya mengadakan satu perubahan anatomi seks semula jadi.

### Transvestisma

Secara literal bermakna, memakai pakaian silangan. Transvestisma tidak mempunyai keinginan menjadi perempuan tetapi mahu kelihatan sebagai perempuan sekurang-kurangnya ada kalanya ia berbuat demikian. Terdapat kemahuan mendesak untuk memakai beberapa atau semua seks yang sebaliknya dan memainkan sekurang-kurangnya sebahagian daripada peranan yang dimainkan oleh seks sebaliknya (Bowman & Engle, 1960).

Seorang transvestit memikirkan dirinya secara dasarnya adalah seks biologi (American Psychiatric Association, 1980). Ia memakai pakaian silangan kerana ia adalah ghairah dari segi seks dan bukan kerana ia menganggap dirinya sebagai tergolong dalam kumpulan seks sebaliknya (Pauly, 1968). Organ seks adalah sumber kepuasan, dan yang demikian tidak berhasrat untuk menghapuskannya (Meyers, 1970).

### Homoseksualiti

Homoseksualiti adalah ditakrifkan sebagai tarikan seks terhadap mereka yang sama seks.

"..... to be a homosexual means nothing more or less than to love someone of the same sex". (Fleinblom, 1976)

"persons beyond puberty who feel sexually attracted, exclusively or otherwise, to members of their same sex". (Oraison, 1977)

Sungguhpun transeksual akan mempunyai komponen-komponen homoseksualiti, mereka tidak mengenalkan diri mereka sebagai homoseksual. Transeksual-transeksual ini mencari rakan-rakan heteroseks yang akan menerima mereka seperti yang mereka fikir bukannya seperti yang mereka kelihatan secara fizikal (Benjamin & Intenfeld, 1973). Mengikut Traitz (1980), seorang homoseksual mengetahui dan percaya bahawa ia adalah mempunyai seks yang sama seperti orang yang tertarik kepadanya. Sebaliknya, transeksual memarik hati orang-orang yang seksnya berlawanan dengan seks yang ia percaya seks dirinya.

Tidak seperti transeksual yang memperolehi sedikit kepuasan daripada organ-organ seksnya, homoseksual menikmati kederiaan dan perasaan genitalianya dan berasa kesal akan kehilangannya (Money & Walker, 1977). Homoseksual tidak mempunyai gangguan identiti jantina. Justeru itu, tidak mempunyai kemahanuan untuk menjadi seks sebaliknya, tetapi secara psikoseksual adalah tertarik kepada seorang lain yang sama seks dengannya.

Pendekata, berbagai keadaan seperti ini adalah agak jelas antara satu dengan lain. Transeksual, sungguhpun secara fizikal-

nya adalah normal, mahu penukaran seks dilakukan kerana ia merasai bahawa ia telah dilahirkan ke dalam tubuh yang salah. Tranvestit ingin memakai pakaian silangan tetapi tidak mempunyai kemahuan untuk menjadi seks sebaliknya. Manakala homoseksual menarik hati orang-orang dari seksnya sendiri tetapi tidak mungkin menukar seks.

### 2.3 Teori-Teori Yang Berkait

Menurut Dr Abdul Aziz Abdullah, Ketua Jabatan Perubatan Jiwa, Hospital Besar Kuala Lumpur ; golongan transeksual boleh dibahagikan kepada dua iaitu golongan yang asalnya lelaki tetapi mahu menjadi perempuan dan golongan yang asalnya perempuan tetapi mahu menjadi lelaki.

Ciri-ciri yang terdapat pada golongan transeksual ialah seperti berikut:-

1. Perasaan gelisah dan tidak senang pada jantina anatominya.
  2. Keinginan untuk menghilangkan atau menghapuskan alat seksnya.
  3. Keinginan untuk hidup sebagai ahli jantina yang bertentangan.
- Tambah Dr Abdul Aziz lagi, terdapat dua teori yang berkaitan dengan transeksual ini.

#### I Teori Biologikal

Walaupun teori ini sudah popular sejak berabad lamanya, namun hanya sedikit bukti-bukti empirikal mengenainya. Walaupun pernah diperkatakan bahawa genetik hormon dan endocrine memainkan peranan dalam etiologi, seksualism, homoseksualism atau homoseksualiti,

iaitu berdasarkan kajian anak-anak kembar; namun selain daripada itu tidak ada bukti-bukti lain yang boleh menyokong pendapat ini. Didapati kebanyakkan transeksual adalah normal dari segi geneotype.

## II Teori Persekutaran dan Intrapsikik

Teori ini boleh dibahagikan kepada:-

### a) Pembelajaran

Kanak-kanak belajar dan mencontohi dari berbagai aspek seperti permainan, pemakaian dan pelakuan. Pemilihan yang dicontohi bergantung kepada berbagai faktor persamaan antara anak yang dicontohi dan kejayaan orang yang dicontohi. Dan apa juga yang kanak-kanak dapat dari pelakuannya seperti pujian, ganjaran ataupun 'approval'. Sekiranya kelakuan anak-anak itu cocok, maka ini memperkuatkan proses pembelajaran dan anak itu akan ikut tingkahlaku yang dipelajarinya.

### b) Akibat dari 'illimitable' (tidak terbatas) konflik.

Sekiranya ibu bapa mahukan anak lelaki tetapi sebaliknya dikurniakan dengan anak perempuan ataupun mahukan anak perempuan tetapi sebaliknya dikurniakan anak lelaki maka berlakulah konflik. Pembelajaran dan pengukuhan jantina yang bertentangan terjadi di kalangan **anak-anak** tersebut.

### c) Penegahan atau pengelakan

Apabila (a) atau (b) terjadi, maka sukar dielakkan perasaan dan pelakuan yang terdapat pada kanak-kanak. Namun begitu, ibu bapa dan masyarakat sekeliling boleh memainkan peranan kejantinaan kanak-kanak. Ianya boleh dicegah dari peringkat awal iaitu ketika kanak-kanak itu berumur antara 1 hingga 6 tahun. Persetujuan harus wujud dari segi kecenderungan kejantinaan kanak-kanak dengan pengendalian kita terhadap kanak-kanak.

### Teori Labelling

Howard Becker yang mengemukakan teori labelling mengatakan bahawa kumpulan-kumpulan sosial mengujudkan devian dengan mengadakan peraturan-peraturan yang mana pelanggarannya akan menjadikan perbuatan itu sebagai suatu devian. Masyarakat mengadakan undang-undang atau peraturan-peraturan yang harus dipatuhi. Sekiranya tidak dipatuhi, maka peraturan yang dilanggar oleh masyarakat itu dilabel sebagai devian.

Perbuatan melabelkan seseorang sebagai devian akan mendatangkan reaksi daripada actor (pelaku) yang melibatkan perbuatan saling bertindak balas. Lazimnya, ini akan melibatkan deraan atau hukuman. Tindakan yang dikenakan kepada pelaku, maka pelaku akan bertindak balas samada untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat atau bertindak balas untuk balas dendam terhadap masyarakat atau orang yang melaporkan perbuatan deviannya.

Proses tindak balas dibahagi oleh Nigel Walker kepada dua jenis.

#### 1) Reaksi dari pihak pelanggar (reaksi anti-label)

Bila seorang pelanggar dilabel oleh masyarakat melakukan devian, maka pelaku akan bertindak balas. Sekiranya ia ambil reaksi ini sebenarnya ia tidaklah seburuk seperti mana yang dilambangkan oleh label tadi. Proses anti-label akan galakan pelaku supaya memperbaiki kelakuannya.

Reaksi anti-label banyak jenis atau peringkat. Sekiranya reaksi itu diambil sebagai tindak balas kepada deraan-deraan ringan seperti deraan amaran atau cemuhan semata-mata, maka tindakan yang baik-baik tidak sukar dilakukan. Sebaliknya seseorang yang dimasukkan ke dalam institusi kurungan (penjara, asrama dan sebagainya) apabila dikeluarkan dari institusi tersebut maka pelaku akan mengalami kesukaran mengambil tindakan anti-label.

Apabila berlaku kecurian di kawasan tempat pelaku berada, maka pelaku ini yang pertama sekali dituduh atau disyaki, walaupun ia tidak melakukan perbuatan tersebut. Kemungkinan ini menyusahkan proses diri pelaku untuk baiki nama baik atau maruahnya. Akibat ini ada kemungkinan sekali lagi pelaku mengalami 'sense of desperation'.

Perkara yang serupa terjadi kepada golongan Mak Nyah. Apabila berlaku kecurian atau perbuatan-perbuatan yang tidak baik, mereka lah orang yang pertama disyaki dan dituduh melakukannya (sila lihat 4.4.8). Ini menyebabkan mereka merasa kecewa dan berputus asa untuk baiki nama baik atau maruah mereka di mata masyarakat. Masyarakat pula bertindak negatif terhadap golongan Mak Nyah; mereka dicemuh oleh masyarakat, dihina dan dipersenda (sila lihat 4.4.10).

Akibatnya, ini memudahkan bagi pelaku mengulang perbuatan deviannya. Sekiranya diulang perbuatan itu, barangkali perbuatan itu tidak serupa malah lebih serius lagi. Usahanya untuk berintegrasi dalam masyarakat gagal kerana ditolak oleh masyarakat; maka ada kemungkinan pelaku mengambil tindakan kedua, iaitu

## 2) Reaksi anti-labeller

Ini berlaku jika reaksi anti-label gagal. Reaksi anti labeller merupakan anti establishment. Dari peringkat ini pelaku tadi akan bertindak untuk menentang orang yang mengenakan label ke atasnya. Tindakan ini tidak semestinya tindakan fizikal tetapi boleh merupakan tindakan yang bertentangan dengan kehendak atau harapan orang yang mengenakan label itu tadi yang bertentangan pula dengan otoriti atau undang-undang.

Alasan diberi iaitu usaha pelaku gagal maka apa salah kalau ia terus melakukan devian. Kes-kes seperti ini banyak terjadi iaitu bila orang putus harapan dan menyeleweng ke arah devian. Apabila mengambil tindakan ini, diambil satu cara hidup yang baru iaitu kepada cara hidup yang dicirikan kepada pelanggaran undang-undang - menjadi 'professional deviance'.

Dalam kes transeksualisme ini, apabila mereka (Mak Nyah) enggan diterima oleh masyarakat umum maka berlakulah **reaksi anti-labeller** ini. Mereka bertindak untuk menjalani pembedahan tukar seks kerana menurut mereka melalui cara ini sahajalah mereka dapat hidup sebagai seorang perempuan biasa dan tidak lagi dicemuh oleh masyarakat (sila lihat 2.5)

Dengan tindakan Mak Nyah untuk menjalani pembedahan tukar seks bermakna mereka cuba menentang fatwa yang melarang pertukaran seks. Jika pembedahan tidak dapat dijalankan di dalam Malaysia, maka mereka akan menjalani pembedahan tukar seks di luar negeri. Bak kata pepatah; "kalau nak seribu daya, kalau tak nak seribu dalih".

Apabila Mak Nyah mengambil tindakan untuk menjalani pembedahan tukar jantina maka diambil satu cara hidup yang baru iaitu kepada cara hidup sebagai seorang perempuan yang dicirikan kepada pelanggaran fatwa atau undang-undang. Masalah identiti yang dialami merupakan satu 'desperation', mereka mendakwa bahawa mereka tidak dapat menjalani hidup yang sempurna jika tidak menjalani pembedahan. Alasan mereka ialah untuk menghindarkan perbuatan yang lebih terkutuk.

Teori yang mengatakan seseorang tidak melakukan devian mungkin kerana tidak sanggup, tidak mampu, tidak perlu, tidak mempunyai kemudahan serta mempunyai perasaan takut untuk melakukan devian. Golongan Mak Nyah yang menyokong fatwa melarang pembedahan tukar seks mempunyai ciri-ciri ini (sila lihat 4.3). Kemungkinan juga iman mereka masih kuat lagi teguh dan mereka mempunyai pandangan hidup yang lebih 'realistik'. Mereka tidak terlalu terbawa-bawa dengan fantasi dan angan-angan bila mereka di dalam lingkungan umur yang lebih matang. Kematangan ini dapat dilihat di dalam soalan-soalan peribadi yang ditimbulkan oleh seorang responden berikut;

"Apakah ada seorang lelaki yang benar-benar jujur mahu menyelamatkan saya dari sini secara menghantar saya menjalani pembedahan tukar jantina dan seterusnya mengambil saya sebagai teman hidupnya atau sebagai isterinya? Apakah ada seorang lelaki yang berani berhadapan dengan masyarakat jika mengambil saya sebagai teman hidupnya. Sedangkan itulah saat yang paling saya nantikan dalam hidup ini. Dan jika saya berkahwin dengan seorang lelaki adalah mustahil dalam bentuk tubuh badan yang begini saya boleh melahirkan anak? Inilah yang menjadikan saya merasakan hidup ini tidak ubah seperti sebuah pentas sandiwara yang dipenuhi dengan kisah-kisah hitam".

#### 2.4 Proses Pembentukan Identiti Mak Nyah

Perkembangan sahsiah seseorang individu dipengaruhi oleh faktor fisiologi (baka) dan faktor persekitaran. Pengaruh fisiologi dari segi kromosom dan hormon adalah paling ketara semasa seseorang itu masih ada di dalam rahim lagi serta semasa ia sedang mengalami proses akil baligh. Pengaruh persekitaran adalah paling ketara di dalam pembentukan tingkahlaku oleh agen-agen utama sosialisasi seperti ibu bapa, masyarakat setempat dan masyarakat sekolah serta media massa.

##### Pengaruh Fisiologi

Kebanyakan Mak Nyah mempunyai perwatakan genetik dan anatomikal lelaki. Kromosom seksnya adalah XY, yang menentukannya sebagai lelaki. Dia mempunyai alat kelamin lelaki, samada alat luaran iaitu zakar ataupun alat dalaman misalnya testes. Di samping itu, ia berkemampuan membuat seseorang wanita mengandong jika sekiranya per-setubuhan dilakukan.

Namun begitu, hormon perempuan mungkin lebih dikeluarkan oleh tubuh seseorang itu terutama sekali di peringkat akil baligh yang mengubah bentuk badan serta identiti kendirinya. Dalam hal ini, pengaruh hormon lebih ketara daripada pengaruh persekitaran dan sosialisasi.

Bentuk tubuh yang jelas menunjukkan keperempuanan, seperti buah dada yang besar, tulang pelvis yang besar, suara yang halus

dan sebagainya merupakan kesan-kesan hormon perempuan (estrogen) yang berlebihan. Hormon-hormon ini boleh menimbulkan perasaan keperempuanan selain daripada teguran orang lain bahawa individu itu bersifat seorang perempuan. Ciri-ciri lain yang kurang serius tetapi boleh menimbulkan perasaan kekeliruan identiti jantina termasuk muka yang comel, tubuh badan yang kecil, berbentuk endomorph, kulit yang putih, rambut ikal dan sebagainya.

Di peringkat remaja, ibu bapa tidak lagi boleh menggunakan pengukuhan dengan berkesan ke atas anak-anak mereka. Bila identiti sebagai perempuan sudah menetap di dalam jiwa, perubahan fizikal yang tidak serasi tidak membuat seseorang itu menukar identitinya tetapi sebaliknya ia akan ingin menukar identiti fizikalnya. Dalam hal seperti inilah kita dapati ramai di antara mereka yang memakan pil hormon untuk merangsangkan lagi hormon perempuan yang mungkin berlebihan dikeluarkan oleh tubuhnya.

Bagi mereka yang mempunyai identiti sebagai lelaki mungkin akan merasa keliru dan menganggap dirinya yang sebenar perempuan bila ia terlibat di dalam kegiatan homoseks. Anggapan mereka hanya seorang perempuan akan tertarik kepada seorang lelaki. Oleh kerana ia tertarik kepada lelaki, ini bermakna ia sebenarnya seorang perempuan lalu ia bertingkah laku sebagai perempuan untuk menarik perhatian lelaki.

#### Pengaruh Persekutaran

Seseorang itu dilabel sebagai lelaki atau perempuan selepas sahaja ia dilahirkan berdasarkan kepada alat jantina primernya,

iaitu zakar dan buah zakar bagi lelaki ataupun faraj bagi seorang perempuan. Selepas memberikan label kepada seorang anak, ibu bapa akan menggalakkan ia bertingkah laku dengan cara yang sesuai dengan jantina yang telah diberikan itu.

Ibu bapa boleh mengawal tingkah laku anak-anak mereka semasa masih kecil lagi dengan menggunakan pengukuhan yang sesuai, iaitu memberikan ganjaran bagi tingkah laku yang sesuai serta mengenakan deraan bagi tingkah laku yang dianggap tidak sesuai. Pujian serta perhatian yang diberikan kepada anak-anak lelaki yang bertingkah laku seperti perempuan merupakan satu pengukuhan tentang tingkah laku kanak-kanak itu.

Menurut Anis, salah seorang responden yang ditemubual; "Sejak kecil lagi ibu bapa saya suka membeli dan memakaikan saya dengan pakaian perempuan. Mereka mengatakan bahwa saya cantik dan comel seperti anak perempuan. Lantaran itu, saya dimanjakan lebih dari adik-beradik lelaki saya yang lain".

Bahkan bukan ibu bapa sahaja yang melakukan pengukuhan ini. Saudara-mara, jiran, guru dan kawan sebaya semuanya memainkan peranan masing-masing dalam membentuk dan menggalakkan seorang anak lelaki itu supaya merasakan bahawa identitinya yang sebenar adalah seorang 'anak perempuan'.

Adakalanya walaupun ibu bapa menggalakkan kanak-kanak bertingkah laku sebagai lelaki, kanak-kanak akan lebih ingin mengidentifikasi dirinya dengan perempuan sekiranya ibu bapa memberikan mesej bahawa jantina perempuan adalah lebih baik dan akan diberikan kasih sayang dan perhatian yang lebih. Sikap ini boleh membuat se-

seorang anak menukar jantinanya supaya ia mendapat kasih sayang dan perhatian yang lebih dari ibu bapanya.

Ema - "Ibu selalu memuji saya sebagai anak yang baik apabila saya membantunya membuat kerja-kerja rumah seperti mengemas rumah, mencuci pinggan mangkuk, memasak dan menyapu lantai".

Kanak-kanak lelaki yang terlalu rapat dengan ibu dan adik-beradik perempuan mungkin juga akan terpengaruh dengan cara pemikiran mereka serta identiti jantina. Keadaan akan bertambah serius jika kanak-kanak itu merasa benci terhadap bapa atau adik-beradik lelaki yang bertingkahlaku agresif dan tidak bertanggung jawab.

Syam - "Sejak kecil lagi saya gemar bergaul dengan anak-anak perempuan, saya juga sering bermain anak patung dan pondok-pondok dengan kakak saya". Tambahnya lagi, "Bapa sering menghabiskan masa dan wangnya di meja judi. Dia bersikap bengis dan kasar terhadap ibu dan juga saya".

Bapa yang terlalu pasif manakala ibu yang terlalu dominan juga meninggalkan kesan yang agak ketara ke atas seorang anak lelaki, terutama sekali jika tingkahlaku bapa itu umumnya banyak menimbulkan perasaan marah dan benci di dalam jiwa anak lelaki itu..

Sebagaimana menurut Parker dan Barr (1982), beberapa faktor memainkan peranan yang penting dalam membentuk identiti Mak Nyah ini. Di antaranya ialah; ibu yang terlalu mengawal dan menjaga anak lelaki, penyekatan tingkahlaku kasar dan tingkahlaku kelakian, perhatian ibu yang berlebihan, perhubungan keibuan yang begitu rapat mesra sehingga tidak wujud sempadan dan jurang perbezaan di antara ibu dan anak, kurang pemisahan dan keindividuan di kalangan anak

lelaki dari ibunya, dan ketidakhadiran bapa secara fizikal dan psikologikal.

Selain dari ibu bapa, jika terdapat model di dalam keluarga, saudara-mara dan masyarakat yang telah berjaya diterima oleh masyarakat setempat dengan tingkahlakunya itu, maka ini akan dapat mengukuhkan lagi tingkahlaku yang sedia ada. Dalam erti kata lain, seorang Mak Nyah akan terus berusaha mengekalkan tingkahlaku keperempuanannya itu.

Menurut dua transeksual bersaudara - Abby dan Isabell, bapa saudara mereka telahpun menjalani pembedahan tukar seks dan berjaya dalam hidupnya. Bapa saudara mereka kini telah bersuami, memiliki sebuah butik dan monetap di Paris.

## 2.5 Pembedahan Tukar Seks

Keinginan lelaki memperlihatkan dan mengambil peranan jantina yang sebaliknya telah diakui semenjak perbakala lagi (Pauly 1965: 1966). Di Malaysia, selepas publisiti dalam tahun-tahun kebelakangan ini mengenai pembedahan 'tukar seks' bagi transeksual dalam media massa, isu transeksualisme menimbulkan tentangan yang meluas dalam berbagai perkara seperti dari segi etika, saintifik, agama dan juga undang-undang.

Pembedahan tukar seks adalah bertujuan untuk mengubah anatomi kepunyaan transeksual supaya menyerupai seperti kepunyaan seks yang dikenal pastinya. Di Malaysia, ianya pertama kali dilakukan dalam tahun 1974 (Utusan Melayu, 1974) manakala di Singapura dalam tahun

1971 (Tsoi, Kok & Long, 1977). Sehingga kini, pembedahan tukar seks masih dijalankan di Singapura. Di Malaysia, pembedahan tukar seks dilarang bagi transeksual yang beragama Islam tetapi diharuskan bagi seorang yang dilahirkan khunsa musykil.<sup>1</sup> Berikutan dari ini, Hospital Universiti telah mengeluarkan satu surat pekeliling pada tahun 1983, yang melarang pembedahan seperti itu.

Keputusan Persidangan Raja-Raja ini merupakan fatwa rasmi bagi seluruh Malaysia. Akibatnya, ramai transeksual yang beragama Islam telah "lari" ke Singapura atau ke negara lain untuk mendapatkan rawatan dan seterusnya menjalani pembedahan di sana. Pembedahan dianggarkan menelan belanja sebanyak empat belas ribu dollar (wang Singapura).<sup>2</sup> Satu perkara yang harus kita sedari ialah apabila Mak Nyah telah menjalani pembedahan tukar seks di luar negeri umpamanya, mereka ini bukan lagi dikenali sebagai Mak Nyah kerana konsep Mak Nyah itu telah hilang.

Menurut Carrera (1981) seseorang transeksual atau Mak Nyah itu berkebolehan mengecapi kepuasan seks sepenuhnya termasuklah per-setubuhan faraj yang baru dibentuk selepas pembedahan itu. Namun begitu, golongan Mak Nyah yang telah dibedah ini tidak berkemampuan untuk hamil kerana mereka tidak mempunyai alat-alat reproduksi yang lainnya. Bagi mengatasi masalah ini, mereka mengambil anak angkat yang dipelihara seperti anak kandung sendiri.

- 
1. Hasil fatwa rasmi (ketetapan agama) - Keputusan Persidangan Raja-Raja 1983. Sila lihat Lampiran A.
  2. Hasil temubual dengan responden yang sedang menjalani rawatan untuk menukar seksnya di Tan-Tech Clinic & Surgery, Singapura.

Faktor-faktor yang harus diambil kira sebelum menjalani pembedahan tukar jantina.

1. Seorang transeksual berkenaan haruslah selesa hidup sebagai seorang perempuan dalam jangka masa sekurang-kurangnya dua tahun. Dari itu, transeksual harus menjalani hidup sebagai wanita iaitu bercakap, berjalan, bergaya, berperasaan seperti seorang perempuan dalam keadaan yang selesa selama sekurang-kurangnya dua tahun.
2. Kejiwaan dan tingkah laku mestilah seimbang. Ini membayangkan kematangan fikiran dan ketenangan jiwa. Jika jiwa tidak tenang, maka sukarlah dilakukan pembedahan. Doktor mahu memastikan betapa kuatkah motivasi transeksual tersebut untuk menjalani pembedahan. Ini disebabkan apabila seorang transeksual telah menukar jantinanya, dia tidak boleh menukar semula kepada jantina asalnya. Tambahan pula, pembedahan tukar jantina menelan kos belanja yang agak besar dan perlu pula penjagaan dari pakar perubatan dan juga pakar pembedahan yang mana kedua-duanya harus bekerjasama.
3. Haruslah dilihat setinggi mana hormon dalam badan transeksual berkenaan. Ini adalah kerana jika seorang transeksual itu mempunyai hormon lelakinya lebih tinggi dari hormon perempuan, maka pembedahan tidak dapat dilakukan. Dari itu, seorang transeksual yang mahu menukar jantinanya harus diberi rawatan hormon terlebih dahulu.
4. Pastikan penyelidikan psikologikal dilakukan ke atas transeksual berkenaan untuk melihat setakat mana kematangan, keseimbangan dan tingkah lakunya.

3.1 Latarbelakang Sosio-Ekonomi3.1.1 Jantina Semasa Lahir

Pengkaji mendapati bahawa kesemua respondennya 20 (100%) yang terdiri daripada golongan Mak Nyah ini dilahirkan sebagai lelaki. Ini serupa dengan keadaan biasa yang terdapat dalam kajian yang dijalankan di negara-negara lain, iaitu kejadian transeksualisme biasanya lebih tinggi di kalangan jantina lelaki daripada jantina perempuan.

3.1.2 Umur

Umur responden yang dikaji adalah di antara 15 hingga 29 tahun. Dengan ini dapatlah dikelaskan mereka kepada kelompok-kelompok umur seperti berikut (jadual 3.1.2) berdasarkan jarak umur lima tahun.

Kelompok umur	Bilangan	Peratus
15 - 19	4	20
20 - 24	13	65
25 - 29	3	15
Jumlah	20	100

Jadual 3.1.2 Umur responden yang dikaji

Sebilangan besar daripada Mak Nyah yang dikaji iaitu seramai 13 (65%) adalah di antara umur 20 hingga 24 tahun. Hanya 4 (20%) berumur di antara 15 hingga 19 tahun dan 3 (15%) berumur di antara 25 hingga 29 tahun.

### 3.1.3 Kumpulan Etnik

Pada keseluruhannya, hampir kesemua daripada responden terdiri dar bangsa Melayu iaitu seramai 19 (95%), hanya seorang sahaja yang berbangsa Cina dan tiada seorangpun dari bangsa India. Walau bagaimanapun berpandukan kepada jumlah ini, tidak bolehlah kita membuat andaian bahawa transeksualisme terdapat kebanyakannya di kalangan bangsa Melayu. Ini adalah kerana pemilihan responden oleh pengkaji tidak mewakili keadaan sebenarnya.

Pengkaji mendapati agak sukar untuk menentukan kumpulan etnik golongan Mak Nyah ini, jika sekiranya pengkaji menumpukan semata-mata kepada rupa bentuk, kulit muka, cara berhias dan berdandan sahaja. Ini adalah kerana terdapat persamaan iras yang banyak di antara satu **bangsa** dengan bangsa yang lain. Tegasnya, beberapa transeksualisme yang diagakkkan berbangsa Cina, tetapi didapati terdiri dari bangsa Melayu.

Berpandukan senarai nama pengenalan Mak Nyah yang dikutip,<sup>1</sup> nama tidak melambangkan pengenalan bangsa. Misalnya beberapa orang dari mereka adalah dari bangsa Melayu tetapi telah mengambil atau memakai nama Kristian seperti 'Abby', 'Amy', 'Isabell', 'Jamie', 'Suzie' dan 'Sally'.

---

1. Nama pengenalan mereka sehari-hari di kalangan teman-teman :- Abby, Hanis, Anis, Awin, Ayu, Amy, Ella, Ema, Jamie, Syam, Isabell, Mimi, Noni, Suzie, Sheila, Izatt, Imah, Zeenat, Sally dan Jem.

### 3.1.4 Pengalaman Semasa Kanak-Kanak

Ramai daripada golongan Mak Nyah ini menyatakan bahawa semasa mereka kanak-kanak, mereka lebih kerap bermain dengan kanak-kanak perempuan berbanding dengan kanak-kanak lelaki. Seramai 19 (95%) daripada mereka menyatakan kanak-kanak perempuan sebagai kawan bermain yang tetap semasa kecil, manakala hanya seorang (5%) mendedahkan bahawa dia lebih kerap bermain dengan kanak-kanak lelaki semasa kecil.

Kawan Bermain	Bilangan	Peratus
Kanak-kanak lelaki	1	5
Kanak-kanak perempuan	19	95
Jumlah	20	100

Jadual 3.1.4(a) Kawan Bermain Semasa Kanak-Kanak

Sikap berpihak kepada seks sebaliknya dan lebih gemar berkawan dengan seks yang berlainan dengan seks biologi mereka diperteguhkan lagi melalui alat mainan dan permainan yang dimain oleh mereka semasa kanak-kanak. Sebilangan besar daripada mereka iaitu seramai 7 (35%) bermain anak patung, 6 (30%) bermain masak-masak, 5 (25%) bermain pondok-pondok dan 2 (10%) bermain alat mainan yang lainnya.

Alat Mainan & Permainan	Bilangan	Peratus
Anak patung	7	35
Masak-masak	6	30
Pondok-pondok	5	25
Lain-lain	2	10
Jumlah	20	100

Jadual 3.1.4(b) Alat mainan dan permainan pada masa kanak-kanak

### 3.1.5 Berpakaian Silangan

Berpakaian silangan (cross-dressing) dimaksudkan dengan lelaki memakai pakaian perempuan. Hasil dari tinjauan, didapati bahawa umur golongan Mak Nyah semasa mereka pertama kali mula berpakaian silangan adalah daripada umur 2 hingga 24 tahun.

Kelompok umur (tahun)	Bilangan	Peratus
1 - 6	3	15
7 - 12	5	25
13 - 18	11	55
19 - 24	1	5
Jumlah	20	100

Jadual 3.1.5(a) Umur pada masa mula berpakaian silangan

Sebilangan besar daripada Mak Nyah, 11 (55%) mula berpakaian silangan pada usia remaja iaitu antara 13 hingga 18 tahun. Ini diikuti pula oleh seramai 5 (25%) mula berpakaian silangan pada umur 7 hingga 12 tahun, 3 (15%) pada peringkat umur yang lebih awal iaitu 1 hingga 6 tahun dan hanya seorang (5%) pada umur 19 hingga 24 tahun.

Tempat	Bilangan	Peratus
Di rumah sendiri	12	60
Di rumah kawan	4	20
Di dalam bilik	3	15
Di tempat-tempat awam	1	5
<b>Jumlah</b>	<b>20</b>	<b>100</b>

Jadual 3.1.5(b) Tempat pertama mula berpakaian silangan

Mengenai tempat-tempat di mana golongan ini mula berpakaian silangan ialah seperti di rumah sendiri, di rumah kawan, di dalam bilik dan juga di tempat-tempat awam. Sebilangan besar daripada mereka 12 (60%) transeksual membuat pengakuan tempat pertama di mana mereka mula berpakaian silangan ialah di rumah sendiri. Ini diikuti pula oleh seramai 4 (20%) di rumah kawan, 3 (15%) di dalam bilik sahaja dan hanya 1 (5%) di tempat-tempat awam.

### 3.1.6 Sikap Keluarga Terhadap Pakaian Silangan

Tindak balas keluarga terhadap pakaian silangan dapat dilihat menerusi jadual dibawah. Dapat dirumuskan di sini, sebahagian dari pada keluarga Mak Nyah ini menolak sementara sebahagian lagi menerima tindakan anak-anak mereka yang berpakaian silangan. Satu perkara menarik mengenai tindak balas keluarga ini ialah keluarga yang pada awalnya menolak tindakan anak mereka yang berpakaian silangan berubah sikap kepada menerima akhirnya.

Tindak balas	Bilangan	Peratus
Penerimaan	6	30
Penolakan	10	50
Penentangan	2	10
Acuh tak acuh	2	10
 Jumlah	 20	 100

Jadual 3.1.6 Tindak balas keluarga terhadap pakaian silangan

Ayu - "Pada mulanya, emak dan ayah menentang tindakan Ayu berpakaian secara perempuan. Namun, sejak berlakunya percubaan membunuh diri yang mengakibatkan Ayu terlantar dalam wad selama sebulan menyebabkan mereka berubah hati. Kini mereka menerima Ayu dengan hati terbuka".<sup>2</sup>

2. Rahayu atau lebih dikenali dengan nama Ayu sahaja kini berusia 18 tahun. Beliau cuba membunuh dirinya dengan memakan racun lalang dan rumput rumpai - 'Roundup'.

### 3.1.7 Kesedaran Mengenai Transeksualisme

Golongan Mak Nyah yang ditinjau mula menyedari akan transeksualisme mereka pada peringkat umur yang agak muda, iaitu di antara 6 hingga 17 tahun. Sebilangan besar daripada mereka 9 (45%) mula sedar akan transeksualisme mereka ketika berumur di antara 6 hingga 9 tahun. Ini diikuti pula dengan 7 (35%) pada ketika berumur 10 hingga 13 tahun dan 4 (20%) pada ketika berumur 14 hingga 17 tahun.

Kelompok umur (tahun)	Bilangan	Peratus
6 - 9	9	45
10 - 13	7	35
14 - 17	4	20
Jumlah	20	100

Jadual 3.1.7 Umur mula menyadari akan transeksualisme

### 3.1.8 Sikap Keluarga Terhadap Transeksualisme

Ibu bapa menunjukkan berbagai sikap apabila mengetahui tentang transeksualisme anak-anak mereka. Ada yang bersikap dingin, menolak, menerima, menentang, acuh tak acuh, bersedih, marah dan sebagainya. Sikap-sikap seperti ini juga ditunjukkan apabila anak-anak mereka berpakaian silangan.

Walau bagaimanapun, ramai ibu bapa yang bersikap menolak atau pun menentang terhadap transeksualisme anak-anak mereka pada mula-nya berubah kepada menerima dengan hati terbuka kemudiannya. Mak-

sudnya di sini, lebih ramai ibu bapa menerima transeksualisme anak-anak mereka masa kini daripada masa dahulu (persamaan dengan tindak balas ibu bapa terhadap pakaian silangan- sila lihat 3.1.6).

Ella - 24 tahun pada mulanya tidak diterima oleh keluarganya. Kini nasib Ella telah berubah, di mana dia sering pulang ke kampung untuk berhari raya bersama keluarga dan sanak saudara.

Berhubung dengan sikap adik-beradik golongan Mak Nyah ini, didapati bahawa adik-beradik perempuan lebih mudah menerima transeksualisme mereka daripada adik-beradik lelaki secara perbandingan. Ini mungkin disebabkan oleh sifat-sifat kaum wanita itu sendiri seperti berhati lembut, mudah memahami dan mudah dibawa berbincang.

### 3.2 Tingkahlaku Seksual

#### 3.2.1 Kesedaran Mengenai Keperluan Seksual

Umur golongan Mak Nyah mula menyedari akan keperluan seksual mereka adalah dari 7 hingga 24 tahun. Sebilangan besar daripada mereka, 10 (50%) mula sedar mengenai keperluan seksual mereka ketika berumur di antara 13 hingga 18 tahun. Ini bertepatan dengan penemuan bahawa sebahagian besar daripada mereka mula berpakaian silangan dalam lingkungan umur yang sama. (Sila lihat jadual 3.1.5 (a))

Jika diteliti, pada peringkat umur ini, seseorang itu telahpun akil baligh. Ini memungkinkan keinginan kepada seks menjadi lebih ketara. Seterusnya didapati seramai 8 (40%) Mak Nyah yang menyedari tentang keperluan seksual pada lingkungan umur 7 hingga 12 tahun,

2 (10%) pada umur 19 hingga 24 tahun dan tiada langsung pada umur di bawah 7 tahun.

Kelompok umur(tahun)	Bilangan	Peratus
1 - 6	-	-
7 - 12	8	40
13 - 18	10	50
19 - 24	2	10
Jumlah	20	100

Jadual 3.2.1 Umur mula menyedari tentang keperluan seksual

### 3.2.2. Pelakuan Seks Di Kalangan Mak Nyah

Sebilangan besar Mak Nyah mengalami hubungan seks buat pertama kali semasa mereka remaja, yakni 13 (65%) mengalaminya di antara umur 13 hingga 18 tahun, sementara 6 (30%) pada peringkat umur yang lebih muda iaitu di antara 7 hingga 12 tahun dan hanya seorang (5%) sahaja pada umur 19 hingga 24 tahun. Haruslah diingat bahawa, pasangan mereka terdiri dari lelaki dan bukannya perempuan.

Kelompok umur (tahun)	Bilangan	Peratus
7 - 12	6	30
13 - 18	13	65
19 - 24	1	5
Jumlah	20	100

Jadual 3.2.2(a) Umur semasa pertama kali mengadakan hubungan seks.

Dalam peranan seks, terdapat dua peranan yang berasingan dan berbeza, iaitu:-

Lelaki	Perempuan
Pihak aktif	Pihak pasif
Insertor (yang memasukkan)	Insertee (yang dimasuki)
Musculine (yang gagah serta memberi)	Effiminate (yang lemah serta menerima)
Obligatory (yang menerima kepentingan)	Facultative (yang memberi kepentingan)

Jadual 3.2.2(b) Peranan seks

Jadi di sini, kelihatan dua pihak yang benar-benar nyata berbeza dari segi fizikal dan peranan. Mak Nyah dalam hal ini memainkan peranan perempuan. Mereka mendedahkan bahawa fantasi seks mereka seringkali dalam bentuk seorang perempuan. Mereka menggambarkan diri mereka sebagai perempuan dan bukannya sebagai lelaki dalam melakukan hubungan seks. Oleh kerana itu, mereka suka diperlakukan sebagai perempuan dalam gara-gara bercinta, berkasih sayang, mahupun dalam pelakuan seks.

Dalam pelakuan seks mereka lebih suka menerima alat jantina lelaki samada melalui dubur, mulut atau tangan. Dalam erti kata lain, mereka berkemampuan mendapatkan kepuasan seks dari aktiviti-aktiviti seksual seperti cumbuan, persetubuhan oral dan anal. Walau bagaimanapun, pembedahan tukar seks sahajalah yang membolehkan mereka menikmati kepuasan seks sepenuhnya seperti wanita normal.

Umumnya, golongan Mak Nyah tidak melakukan seks untuk kepuasan dirinya tetapi lebih untuk memberikan kepuasan kepada pasangannya. Perasaan bersalah jarang timbul bila terlibat dalam hubungan seks dengan lelaki. Mereka percaya tuhan telah menjadikan mereka demikian oleh kerana mereka sendiri tidak memilih secara sedar untuk mempunyai jiwa seorang perempuan.

"Saya tidak mensifatkan perbuatan berhubungan seks dengan lelaki sebagai homoseks kerana bagi saya homoseks adalah hubungan sama jenis antara seorang lelaki yang mewarisi sifat-sifat kelakian, sedangkan diri saya adalah Mak Nyah melakukan hubungan seks dengan lelaki tulen. Jika saya melakukan homosekspun, saya merasai tidak berdosa kerana tuhan telah menjadikan saya begini".

Sungguhpun transeksualisme tidak mengenalkan diri mereka sebagai homoseksual, namun pada hakikatnya mereka mempunyai komponen-komponen homoseksualiti. Ini adalah kerana mereka mempunyai perwatakan genetik dan anatomikal lelaki. Seperti mana yang telah dinyatakan sebelumnya dalam bab 2; kromosom seksonya adalah XY, yang menentukan Mak Nyah itu sebagai lelaki. Mereka mempunyai alat kelamin lelaki di samping berkemampuan membuat seorang wanita itu hamil jika persetubuhan dilakukan.

Walau bagaimanapun, hubungan rapat dengan kaum perempuan adalah kerana mereka merasakan bahawa terdapat persamaan di antara mereka. Perhubungan ini lebih dalam bentuk sahabat karib dan bukan sebagai kekasih. Perasaan bersalah juga tidak timbul bila mereka tidak dapat mengalami kenaikan nafsu apabila bersama seorang perempuan. Mereka mensifatkan ini sebagai takdir yang telah ditentukan oleh Tuhan kepada mereka.

"Kami tidak pernah jatuh cinta dan tidak pernah bernafsu terhadap perempuan. Kami anggap perempuan itu biasa sahaja seperti kawan. Tambahan pula, kami tahu alat lelaki kami tidak berfungsi".

Bagi Mak Nyah yang ingin menukar jantina, mereka menganggapkan bahawa mereka akan lebih melakukan dosa jika mereka tidak menjadi seorang perempuan dalam erti kata yang sebenarnya. Ini adalah kerana, hubungan seksual yang mereka akan lakukan dengan mereka yang sejenis dengan mereka.

"Berdosa, tetapi hanya berdosa sekali sahaja. Keadaan diri begini lebih banyak membuat dosa".

"Memang terdapat halangan dari segi agama - haram dan berdosa tetapi dosa tanggung sendiri, Itu antara diri saya dengan Tuhan".

### 3.2.3 Tujuan Melibatkan Diri Di Dalam Hubungan Seks

- 1) Keinginan mendapatkan pengiktirafan sebagai seorang perempuan, iaitu seseorang itu boleh dianggap sebagai seorang perempuan jika ia disukai oleh kaum lelaki. Oleh kerana itu, ada yang merasa megah serta bangga bila ia terlibat di dalam hubungan yang intim dengan seorang lelaki normal.
- 2) Ingin mendapatkan teman hidup yang setia. Seks merupakan hadiah dan cara mengekalkan hubungan ini. Mereka menganggap bahawa tidak ada cara lain untuk mengekalkan hubungan mereka dengan seorang lelaki selain daripada melibatkan diri di dalam hubungan seksual, dengan pasangan yang benar-benar dicintai.

3) Untuk mendapatkan wang. Ada juga yang mengakui bahawa mereka terpaksa melakukan hubungan seks untuk mendapatkan wang. Namun begitu, bilangan mereka yang melacurkan diri tidaklah ramai. Mengikut tinjauan pengkaji, hanya tiga orang dari respondennya yang melibatkan diri di dalam hubungan seks untuk mendapatkan wang. Bagi mereka yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan, ini merupakan satu cara sementara untuk menyara kehidupan mereka.

### 3.3 Hobi

Semua manusia dalam dunia ini mempunyai hobi atau kegemaran masing-masing. Begitu juga dengan golongan Mak Nyah ini. Mereka mempunyai berbagai hobi yang kebanyakannya berkaitan dengan hobi-hobi kaum perempuan. Hasil daripada tinjauan, pengkaji mendapati bahawa hobi yang paling digemari adalah memasak.

"Kami adik-adik kuat makan. Mungkin kerana dari segi biologikalnya kami masih lagi seorang lelaki. Dari itu, selera makan kami sama sahaja seperti lelaki. Di hujung minggu, apabila tidak bekerja kami masak sendiri. Dengan ini, dapatlah kami makan mengikut selera kami, memakan sebanyak yang mahu dan lebih-lebih lagi menjimatkan belanja".

Selain daripada memasak, ramai di kalangan Mak Nyah yang gemar menari. Ada yang menari di dalam bilik sahaja, di dalam rumah dan ada pula yang ke diskò. Begitu juga dengan menyanyi. Menurut golongan Mak Nyah, mereka menari dan menyanyi setakat untuk menghiburkan hati. Namun begitu, ada segolongan Mak Nyah yang menjadikannya sebagai karier mereka.

Hobi-hobi lain termasuklah kerja-kerja rumah seperti mengemas rumah, menjahit dan mengait. Beberapa hobi yang dilakukan bersendirian juga diminati seperti membaca, menonton television dan wayang, menyendiri, berkhayal, dan melukis. Selain daripada itu, ada yang melibatkan diri dalam kegiatan di luar rumah seperti bersiar-siar, bersukan (bermain bola jaring), berenang dan berkelah.

Ada pula yang memasuki pertandingan Ratu Cantik Mak Nyah sebagai hobi. Mereka yang memenangi dan berjaya menggondol gelaran Ratu Mak Nyah akan berasa megah dengan gelaran tersebut, begitu juga dengan tropi yang dihadiahkan oleh pihak pengajur. Tidak dinafikan juga bahawa kemenangan ini ada kalanya dijadikan 'tiket' untuk mendapatkan pekerjaan khususnya dalam bidang 'modelling'.  
(Sila lihat Lampiran B)

### 3.4 Tingkat Pencapaian Pendidikan

Salah satu syarat untuk mencapai satu kehidupan yang baik, jawatan yang tinggi dengan pendapatan yang lumayan ialah melalui pencapaian pendidikan yang tinggi. Sekiranya pendidikan yang dicapai adalah rendah maka selalunya peluang untuk mendapat pekerjaan yang baik dan bergaji lumayan adalah tipis.

Pengkaji mengandaikan mengikut Sistem Pendidikan di Malaysia, tingkat pencapaian pelajaran adalah seperti berikut:-

- (i) 6 tahun di Sekolah Rendah
- (ii) 3 tahun di Sekolah Menengah Rendah
- (iii) 2 tahun di Sekolah Menengah (Tingkatan IV & V)
- (iv) 2 tahun di Tingkatan Enam

- (v) 2 hingga 5 tahun di peringkat kolej atau  
3 hingga 6 tahun di peringkat universiti.

Peringkat	Bilangan	Peratus
Darjah 1 - 6	2	10
Tingkatan 1 - 3	4	20
Tingkatan 4 - 5	12	60
Tingkatan 6	2	10
<b>Jumlah</b>	<b>20</b>	<b>100</b>

Jadual 3.4 Peringkat pencapaian pendidikan

Sebilangan besar 12 (60%) daripada golongan ini mempunyai pendidikan sekolah menengah iaitu di peringkat tingkatan empat dan tingkatan lima. Terdapat 4 (20%) yang sampai di peringkat sekolah menengah rendah manakala 2 (10%) berada setakat di sekolah rendah dan juga di tingkatan enam.

Berpandukan jadual 3.4 ini, Mak Nyah mempunyai pencapaian yang agak tinggi dalam bidang pelajaran. Menurut golongan Mak Nyah mereka mampu meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Ada di antara mereka yang ditawarkan untuk memasuki kolej, Maktab Perguruan, Politeknik dan pusat pengajian tinggi yang lainnya. Namun begitu, tawaran sedemikian terpaksa dilupakan begitu sahaja lantaran dari keadaan mereka yang masih bercelaru dengan identiti jantina masing-masing.

"Hanis, 22 tahun, mendapat gred dua dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Tawaran untuk memasuki Maktab Perguruan terpaksa ditolak lantaran keadaannya yang masih bercelaru dengan identiti jantinanya".

Golongan Mak Nyah yang beragama Islam juga didapati mendapat pendidikan sekolah agama selain daripada sekolah biasa. Ini bermakna mereka tahu serba sedikit mengenai selok belok agama Islam. Malah menurut tinjauan pengkaji, didapati ada di antara mereka yang telahpun mencapai hingga ke peringkat darjah enam khas sekolah agama.

Sebagai rumusannya, bolehlah dikatakan bahawa golongan Mak Nyah ini mempunyai tahap pencapaian pendidikan yang agak tinggi. Namun begitu, ianya tidak boleh dijadikan 'tiket' atau 'syarat' untuk mendapatkan pekerjaan yang setaraf dengan pencapaian pendidikannya. Lebih-lebih lagi, mereka golongan Mak Nyah merupakan golongan yang tersisih dari masyarakat.

### 3.5 Pekerjaan, Pendapatan dan Perbelanjaan

#### 3.5.1 Pekerjaan

Golongan Mak Nyah memerlukan wang untuk menyara kehidupan mereka. Untuk mendapatkan wang mereka terpaksa bekerja. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, taraf pendidikan yang tinggi dan kemahiran yang ada belum tentu dapat menjaminkan pekerjaan. Lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia seperti sekarang ini. Peluang pekerjaan amat terhad baik untuk lelaki, perempuan mahupun golongan Mak Nyah.

Kesukaran mendapatkan pekerjaan lebih nyata di kalangan Mak Nyah. Ini adalah kerana masalah identiti jantina mereka. Mereka berpakaian seperti perempuan, bertingkah laku dan berfikiran seperti perempuan tetapi memegang kad pengenalan lelaki. Untuk menukar jantina yang tercatit dalam kad pengenalan, mereka perlu menjalani pembedahan tukar jantina terlebih dahulu. Untuk menjalani pembedahan mereka perlu wang, justeru itu mereka harus bekerja.

Masalahnya, pihak majikan enggan mengambil golongan Mak Nyah bekerja, lantaran identiti mereka yang tidak menentu. Oleh yang demikian, kemahiran dan juga pendidikan yang tinggi tidak memungkinkan mereka menjawat jawatan kerajaan atau di pejabat-pejabat. Ekoran daripada ini, mereka terkapai-kapai mahu bekerja tetapi tidak dapat bekerja.

"Amy - 20 tahun dengan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia gred dua, bercita-cita untuk menjadi guru. Namun, cita-citanya terhalang kerana memegang kad pengenalan lelaki".

"Noni - memiliki sijil menaip dan bercita-cita untuk menjadi jurutaip. Dia telah memohon jawatan tersebut beberapa kali. Masalah timbul apabila dipanggil untuk ditemuduga. Keadaan dirinya menyebabkan pihak majikan enggan mengambilnya bekerja. Tengok orang, tengok I.C., begitulah pengakuan Noni".

Masalah untuk mendapatkan pekerjaan menjadi lebih rumit lagi sekiranya seseorang Mak Nyah itu tidak berpendidikan ataupun mempunyai taraf pendidikan yang rendah serta tidak ada kemahiran tertentu. Dalam keadaan yang tersepit ini, satu sahaja jalan keluar, iaitu dengan melacurkan diri.

"Kalau boleh kami adik-adik tidak mahu buat kerja ini (melacur diri), tetapi kami juga perlu wang untuk menyara hidup kami. Minta kerja lain bukannya senang. Mana ada orang yang sudi menerima kami bekerja".

Walau bagaimanapun, bagi mereka yang bernasib baik dengan berbekalkan kesungguhan, kemahiran tertentu dan juga bakat masing-masing, dapatlah mereka bekerja mengikut kesesuaian jiwa masing-masing. Di antara bidang pekerjaan yang mereka ceburi adalah seperti berikut:-

#### Menyanyi dan Menari

Buat masa sekarang, ramai Mak Nyah telah menceburi bidang hiburan seperti menyanyi dan menari. Dalam bidang nyanyian, terdapat dua cara digunakan;

- (i) Si penyanyi menyanyi menggunakan suaranya sendiri. Ini bermakna suara nyanyiannya adalah suara lelaki.
- (ii) Si penyanyi menyanyi menggunakan suara penyanyi terkenal terutamanya penyanyi perempuan.<sup>3</sup> Ini dilakukan dengan mudah sahaja iaitu dengan memasang kaset nyanyian penyanyi-penyanyi terkenal. Apa yang perlu si 'penyanyi' itu lakukan ialah meniru dan menggayskan tingkahlaku penyanyi terkenal itu. Ini diistilahkan oleh mereka sebagai 'Paper Dolls' iaitu 'imitating' atau meniru gaya dan tingkahlaku seseorang.

---

3. Penyanyi terkenal seperti Sheila Majid, Anita Sarawak, Anita Mui, Zaiton Sameon, Noraniza Idris, Francis Yip, Carmen Marinda dan lain-lain.

Bakat dan kemahiran menyanyi dan menari yang ada pada mereka, membolehkan mereka menghasilkan satu persembahan yang cukup menarik sekali sehingga mendapat sambutan dari orang ramai. Pertunjukan menyanyi dan menari ini sering diadakan di tempat-tempat yang terkemuka seperti di Hotel Shang Ri La, Royal Holiday Inn, Grand Continental iaitu hotel-hotel terkemuka di Kuala Lumpur. Malah mereka juga membuat pertunjukan di Sabah seperti di Tanjung Aru dan di Hyatt Hotel, Singapura.



Gambar 3.5.1(a) Beraksi dengan meniru gaya Anita Sarawak



Gambar 3.5.1(b) Menari -'Dancing Performance'



Gambar 3.5.1(c) Nyanyian - salah satu bidang yang diceburi.

### Mendandan Rambut

Bidang ini juga diceburi oleh ramai golongan Mak Nyah. Mereka mengikuti kursus mendandan rambut di Kuala Lumpur dan juga di Singapura. Dengan latihan kemahiran mendandan rambut ini, ada yang berjaya membuka salun atau kedai rambut mereka sendiri, dan ada pula yang hanya menjadi pekerja sahaja.

Kebanyakan kedai rambut yang sudi mengambil mereka bekerja ialah kedai rambut uniseks, iaitu kedai rambut untuk lelaki dan juga untuk perempuan. Antara kedai-kedai rambut uniseks yang banyak mengambil pekerja dari golongan Mak Nyah ini adalah seperti 'Izatt Saloon' (Bukit Bintang Plaza, Kuala Lumpur), 'Lace Saloon' (kompleks Tun Abdul Razak, Johor Bharu) dan juga 'Nazley De Kazar' (Alor Setar, Kedah).

### Persolekan

Bidang ini juga perlukan kemahiran seperti mendandan rambut. Malah tidak dinafikan bahawa ramai di kalangan mereka yang bekerja sebagai pendandan rambut menceburi bidang persolekan. Ini adalah kerana terdapat banyak kaitan antara kedua-dua bidang tersebut.

"Di samping mendandan rambut, saya mengandamkan (menyolekkan) pengantin. Saya mengenakan bayaran sebanyak \$60.00 sekali 'make-up' iaitu untuk solekan waktu siang dan waktu malam. Saya juga ada menyewakan pakaian pengantin".

### 'Modelling' (Keperagawatian)

Bidang keperagawatian ini juga diceburi oleh golongan Mak Nyah. Pekerjaan ini dirasakan amat sesuai bagi mereka, memandangkan ramai di kalangan mereka yang mempunyai ketinggian yang agak tinggi bagi seorang perempuan tetapi normal bagi seorang lelaki biasa.

Ketinggian yang mereka miliki, ditambah pula dengan susuk badan yang tinggi lampai serta langsing membolehkan mereka memenuhi syarat-syarat bagi seorang peragawati. Oleh kerana itu, tidak hairanlah jika kita dapati ramai di kalangan mereka yang berjaya dalam bidang ini.



Gambar 3.5.1(d) Memiliki wajah yang sungguh feminin, mengeburkan diri dalam bidang 'modelling'.

Jamie - "Saya telah lama menceburi bidang keperagawatian. Saya memiliki sijil - 'Male Modelling' yang dikeluarkan oleh agensi keperagawatian 'First Impression' pada tahun 1980. Kini, agensi tersebut telahpun ditutup".



Gambar 3.5.1 (e) Bersiap sedia di belakang pentas untuk mengadakan pertunjukan fesyen.

Selain daripada pekerjaan-pekerjaan yang telah disebutkan, golongan Mak Nyah juga menceburi bidang jahit-menjahit, urut-mengurut, kira-mengira dan sebagainya. Latihan kemahiran yang mereka perolehi ini biasanya didapati secara formal seperti melalui agensi-agensi ataupun institusi-institusi tertentu dan juga secara tidak formal seperti dipelajari daripada kawan-kawan.

Satu perkara lagi yang perlu kita ingati ialah golongan ini tidak hanya bergantung kepada satu jenis pekerjaan sahaja. Dalam erti kata lain, mereka membuat pelbagai jenis kerja dalam satu jangka masa.

"Saya bekerja sebagai pendandan rambut pada sebelah pagi hingga ke petang. Pada sebelah malamnya, saya mengadakan pertunjukan pentas seperti 'Paper Dolls' dan juga 'Fashion Show'".

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Menyanyi & menari	5	25
Mendandan rambut & Persolekan	5	25
Keperagawatian	5	25
Melacurkan diri	3	15
Menjahit	1	5
Lain-lain	1	5
<b>Jumlah</b>	<b>20</b>	<b>100</b>

Jadual 3.5.1 Jenis pekerjaan utama Mak Nyah

Berpandukan jadual di atas; didapati secara puratanya, bilangan Mak Nyah yang menceburi bidang nyanyian dan menari adalah sebanyak 5 (25%), begitu juga dengan bidang mendandan rambut dan persolekan dan juga bidang keperagawatian. Terdapat seramai 3 (15%) yang melacurkan diri dan 1 (5%) melibatkan diri dalam bidang jahitan dan lain-lain pekerjaan. Pengkategorian pekerjaan di atas, adalah menurut pekerjaan utama masing-masing dan tidak mengambil kira pekerjaan sambilan mereka.

### 3.5.2 Pendapatan

Berlainan jenis pekerjaan, berlainan pula kadar pendapatan yang diperolehi. Secara purata, pendapatan mereka yang serendah-rendahnya ialah \$100.00 hingga setinggi-tingginya \$2,000.00 sebulan. Jadi, sebenarnya pendapatan bergantung kepada jenis pekerjaan yang dilakukan samada pekerjaan tetap atau pekerjaan sambilan, juga kerajinan dan kebijaksanaan seseorang Mak Nyah untuk mengumpul wang yang lebih.

Pendapatan (\$)	Bilangan	Peratus
100 - bawah 500	2	10
500 - bawah 1000	5	25
1000 - bawah 1500	8	40
1500 - bawah 2000	4	20
2000	1	5
<b>Jumlah</b>	<b>20</b>	<b>100</b>

Jadual 3.5.2 Pendapatan

"Saya tidak mempunyai pekerjaan yang tetap, sekiranya ada undangan dari pihak-pihak tertentu untuk buat pertunjukan, maka penuhlah kocek saya. Sebaliknya, jika tiada, saya akan menghabiskan masa di rumah di samping keluarga".

"Saya bekerja sebagai pendandan rambut. Ada kalanya saya mengandam pengantin atau menyewakan pakaian pengantin. Hasil dari kerja-kerja seperti ini, dapatlah dalam \$1,000.00 sebulan".

"Saya mengendalikan kumpulan 'modelling' yang terdiri dari:-  
1) Lipstick - di mana kesemua ahlinya adalah wanita  
2) Private Dancers - ahlinya terdiri dari golongan Mak Nyah  
3) Body Work - kesemua ahlinya adalah lelaki.  
Di samping itu, saya bekerja sebagai pendandan rambut yang 'professional'. Pendapatan saya agak lumayan iaitu kadang kalanya menjangkau sampai \$2,000.00 sebulan".

"Saya menerima wang untuk seks. Bayaran yang diterima adalah dari serendah-rendahnya \$10.00 hingga setinggi-tingginya \$50.00 bagi setiap pelakuan atau perkhidmatan seks. Saya melakukannya hanya apabila mengalami kesesakan wang".

### 3.5.3 Perbelanjaan

Perbelanjaan bergantung kepada pendapatan. Golongan Mak Nyah biasanya berbelanja sekadar yang mereka mampu. Sikap berjimat cermat diamalkan untuk kebaikan mereka juga. Bagi yang berhasrat untuk menjalani pembedahan tukar jantina, mereka perlu mengumpul wang kerana perbelanjaan pembedahan memerlukan sejumlah wang yang besar. Di samping itu, mereka sentiasa beringat untuk menyimpan wang bagi kegunaan di masa tua kelak.

"Kami adik-adik berbelanja sekadar yang kami mampu. Lagipun kami sentiasa beringat untuk masa hadapan, di mana nanti kami tidak berdaya untuk mendapatkan wang lagi".

Walau bagaimanapun, golongan Mak Nyah ini berbelanja atas perkara-perkara berikut; sewa rumah atau bilik, alat solek-menyokek, pakaian, tambang kenderaan, perubatan dan makanan. Sebagai rumusannya wang dibelanjakan atas perkara-perkara yang mustahak sahaja atau dalam perkataan lain, untuk barang-barang keperluan sahaja.

Berhubung dengan alat solek-menyolet dan pakaian, kedua-duanya memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka. Mereka memerlukan 'make-up' untuk mendandan dan menghias wajah agar kelihatan menarik dan lebih-lebih lagi untuk menutup wajah 'jantan' mereka. Pakaian pula tidak semestinya mahal, tetapi fesyennya haruslah daripada potongan yang menarik. Pakaian yang sedikit mendedahkan tubuh badan menjadi kegemaran. Pakaian yang digunakan untuk bekerja berbeza daripada pakaian yang digunakan di rumah. Di rumah, kain batik sarung menjadi pilihan utama.

Wang juga banyak dihabiskan untuk membayar tambang kenderaan. Untuk pergi bekerja mereka terpaksa menaiki bas ataupun teksi. Sewa bilik atau rumah, perubatan (pil hormon, pil vitamin dan suntikan) dan makanan merupakan barang-barang keperluan asas. Oleh itu, sejumlah wang perlu diperuntukan khas untuk membayar kos-kos perbelanjaan tersebut.

Mengenai makanan pula, mereka lebih gemar makan makanan 'fast food' seperti 'burger', 'hotdog', ayam goreng tetapi tidak ketinggalan juga nasi, lauk pauk dan sebagainya. Mereka juga lebih gemar makan di luar ataupun membeli sahaja barang makanan yang telah siap dimasak. Ini lebih menyenangkan mereka, tambahan pula tinggal di tengah-tengah bandar seperti di Kuala Lumpur ini, segala kemudahan makanan boleh didapati dengan mudah. Hanya sekali-sekala mereka akan memasak sendiri, itupun sekiranya masa mengizinkan.


---

\* Kenyataan dalam "....." merupakan hasil temubual pengkaji dengan respondennya yang terdiri dari golongan Mak Nyah.

#### 4.1 Jantina - Lelaki dan Perempuan

Jantina seseorang individu merupakan faktor asasi dan faktor penentu dalam riwayat hidup seseorang dari semenjak ia lahir hingga ia meninggal dunia. Semenjak zaman Adam dan Hawa, pemikiran manusia tertumpu kepada dua jantina sahaja iaitu lelaki dan perempuan. Ciri-ciri kejantinaan ditentukan oleh masyarakat kerana terdapat perbezaan yang jelas antara lelaki dan perempuan samada dari segi biologi, sosiologi dan psikologi. Mereka yang dianggap tidak boleh dimasukkan dalam mana-mana satu jantina ini, dipandang serong dan tidak diterima sepenuhnya oleh masyarakat.

Justeru itu, adalah lebih tepat jika setiap individu diukur menggunakan ukuran-ukuran kejantinaan tertentu iaitu kedudukan individu merupakan satu kontinuum yang berterusan. Di pangkal kontinuum terdapat mereka yang mempunyai ciri-ciri lelaki yang paling lengkap, sementara di hujung kontinuum itu terdapat mereka yang mempunyai ciri-ciri perempuan yang paling lengkap. Di bahagian tengah kontinuum terletak individu yang hanya mempunyai sebahagian daripada ciri-ciri yang dianggap 'ideal' bagi kedua-dua jantina itu.



Rajah 4.1 Kontinuum Lelaki - Perempuan.

Oleh yang demikian, identiti jantina adalah kedua-duanya terkedalam; kesedaran peribadi dan keyakinan seseorang itu mengenai seksnya sendiri beserta dengan pernyataan ramai. Identiti jantina boleh jadi lelaki, perempuan atau meragukan. Mereka yang dianggap oleh masyarakat sebagai termasuk ke dalam kategori identiti jantina yang samar-samar mempunyai ciri-ciri yang berbeza-beza. Masyarakat Malaysia umumnya tidak sedar tentang perbezaan-perbezaan ini, lantas beberapa kategori individu yang berbeza dimasukkan ke dalam satu kategori sahaja; iaitu samada lelaki atau perempuan.

#### 4.2 Transeksualisma Mengikut Kacamata Islam

Mengikut Islam, kelompok-kelompok jantina boleh dibahagikan kepada empat kelompok:-

1. Lelaki
2. Perempuan
3. Khunsa (jelas dan musykil)
4. Mukhannis atau mukhannas

Perbincangan pengkaji di sini, difokuskan kepada kelompok jantina yang keempat iaitu mukhannis atau mukhannas di mana seorang lelaki yang tingkahlakunya seperti tingkahlaku perempuan samada dari segi gerak gerinya, keadaannya, percakapan dan sebagainya. Ia boleh dibahagikan kepada dua golongan:-

- a) Mereka yang menerima sahaja keadaan tadi sebagai satu pemberian Allah tanpa membuat sebarang tindakan rangsangan untuk menyuburkan lagi keadaan-keadaan tersebut. Orang yang mengalami keadaan tersebut tidak menanggung sebarang dosa kerana itu semua adalah kehendak Allah.
- b) Mereka yang tidak memadai dengan keadaan tersebut, malah bertindak dengan sesuatu yang merangsangkan lagi keadaan-keadaan itu. Golongan inilah yang disebutkan di dalam hadith-hadith Nabi Muhammad S.A.W. sebagai orang-orang yang dijauhi rahmat Allah.

Jadi, jelaslah bahawa Mak Nyah (transeksual) boleh digolongkan sebagai mukhannis atau mukhannas. Mereka sebenarnya adalah lelaki yang dikurniakan Allah dengan sifat-sifat keperempuanan. Seseorang yang menerima kurniaan ini seharusnya redza dan berpuashati.

Masalah timbul apabila seseorang Mak Nyah itu cuba melayani tingkah laku dan sifat-sifat tersebut. Misalnya melalui 'make-up' dan pakaian silangan yang digayakannya ditambah pula dengan gerak geri, percakapan dan sebagainya. Semua tindakan ini adalah haram di sisi Islam. Di antara hadith Nabi Muhammad S.A.W. bermaksud:-

"Di antara orang-orang yang dijauhi rahmat Allah dan dilaknat oleh Malaikat di dunia dan di akhirat ialah lelaki yang memperempuan dirinya dan menggayakan dirinya menyamai perempuan dan orang perempuan yang dibekali dengan sifat-sifat perempuan lalu ia menggayakan dan menyerupukan dirinya dengan lelaki".  
(Riwayat At-Tabarani, Al-Bukhari dan lain-lain)

Mengikut tinjauan yang dijalankan oleh pengkaji, didapati ada di antara mereka menerima perubatan yang berupa pil hormon dan suntikan untuk membesarkan buah dada dan vitamin untuk kulit muka. Malah ada pula di antara mereka yang telah menjalani pembedahan penukaran jantina. Walaupun masih ramai di kalangan mereka yang belum menjalani pembedahan tersebut, namun ramai yang menyatakan kesediaan mereka untuk berbuat demikian.

Semua tindakan seperti ini bertentangan dengan kehendak dan ajaran Islam. Malah ianya termasuk ke dalam perangkap syaitan seperti yang diterangkan dalam Al-Quran mengenai hasrat syaitan...

"Dan akan aku suruh mereka merobah ciptaan Allah".  
(Surah An-Nisa': 119)

Dalam hadith, Nabi Muhammad S.A.W. bersabda yang bermaksud;

"..... dan Allah menjauhi rahmatnya daripada orang-orang yang merobah ciptaanNya".  
(Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Apa yang lebih dikesalkan ialah penglibatan transeksual dengan skandal hubungan seks yang di antara caranya ialah liwat, suatu perbuatan terkutuk di sisi Allah sepetimana yang pernah berlaku kepada kaum Nabi Lut. Mengikut tinjauan, ramai di antara transeksual menjadikan hubungan seks sebagai salah satu mata pencarian. Ini adalah ekoran dari masalah pekerjaan yang dihadapi oleh golongan ini.

Ekoran daripada gejala yang timbul ini, maka pihak Majlis Raja-Raja dalam persidangannya tahun 1983 telah mengeluarkan fatwa tentang haramnya sebarang pembedahan atau sebarang usaha ke arah menukar jantina transeksual kerana ianya bertentangan dengan fitrah kejadiannya sebagai seorang lelaki. Fatwa ini dikeluarkan bukanlah semata-mata fatwa hukum, tetapi ianya berdasarkan kepada simpati terhadap transeksual.

#### 4.3 Pendapat Tentang Fatwa Yang Melarang Pertukaran Jantina

Melalui tinjauan yang dijalankan, didapati reaksi yang ditunjukkan oleh transeksual terhadap fatwa Majlis Raja-Raja adalah berbeza-beza. Sebilangan besar daripada mereka, iaitu 9 (45%) tidak bersetuju dengan fatwa yang melarang pertukaran jantina. Seramai 6 (30%) daripada mereka tidak mempunyai apa-apa pendapat mengenainya atau tidak pasti bagaimana hendak memberi pendapat mereka tentang fatwa tersebut, sementara 5 (25%) pula bersetuju dengan fatwa.

Pendapat	Bilangan	Peratus
Bersetuju	5	25
Tidak bersetuju	9	45
Tiada pendapat	6	30
Jumlah	20	100

Jadual 4.3 Pendapat tentang fatwa yang melarang pertukaran jantina

Ramai yang tidak bersetuju dengan fatwa disebabkan mereka menganggap diri mereka sebagai perempuan dan 'ingin menjadi perempuan sebenarnya, jika boleh'. Malah, mereka kaum Mak Nyah menyatakan bahawa;

"Kami tidak dapat melihat perbezaan antara diri kami dengan kaum perempuan kerana perasaan kami adalah seperti perasaan kaum perempuan. Oleh yang demikian, pihak agama patut membenarkan pembedahan tukar jantina bagi mereka yang benar-benar mahu menjadi perempuan".

Antara lain, mereka percaya akan hak kebebasan individu untuk memilih seksnya sendiri. Jadi, terpulanglah kepada seorang individu untuk melakukan pembedahan tukar jantina atau tidak. Malah, mereka berpendapat agama sepatutnya menghormati hak individu yang sedemikian kerana tidak ada sesiapapun yang akan menukar seksnya untuk suka-suka sahaja. Hanya dengan menukar seks mereka tidak lagi dihina dan dipersenda oleh masyarakat.

"Bagi saya, kaum Mak Nyah yang beragama Islam patut dibenarkan menjalani pembedahan menukar jantina untuk 'tujuan baik' dan bukan 'semata-mata untuk bersuka-suka'".

Ramai di kalangan Mak Nyah berpendapat bahawa walaupun mereka mengakui fatwa itu sebagai ketetapan agama namun mereka tidak dapat lari daripada menjadi Mak Nyah. Mereka merasa diri mereka terperangkap antara agama dengan keinginan manusia. Mereka melahirkan perasaan harpa dan kecewa terhadap pihak berkuasa agama yang masih tidak memahami keadaan mereka sebagai Mak Nyah.

"Saya sedar apa yang saya lakukan ini adalah berdosa, tetapi saya terpaksa menerima hakikat bahawa saya adalah seorang Mak Nyah. Saya juga mengakui bahawa pembedahan tukar jantina itu adalah haram tetapi saya tidak boleh jadi begini buat selama-lamanya".

Bagi mereka yang tidak memberikan apa-apa pendapat ataupun ulasan mengenai fatwa tersebut, hanya berharap agar pihak berkuasa agama memahami dengan lebih mendalam lagi akan perasaan dan kehidupan para Mak Nyah. Kemudian barulah mereka mengkaji semula fatwa tersebut dengan membuat beberapa penyesuaian yang sewajarnya.

"Bagi saya, pihak berkuasa agama haruslah mengkaji semula fatwa berhubung dengan pertukaran seks itu. Jika seseorang Mak Nyah itu didapati lebih cenderung sifat kewanitaannya dan ditambah pula dengan kesungguhannya untuk menjalani pembedahan tukar seks, maka pihak berkuasa agama haruslah memberikan keizinan kepadanya".

Hampir semua persetujuan yang diberi tentang fatwa adalah berdasarkan agama. Mereka yakin bahawa perbuatan menukar apa yang telah dijadikan oleh Allah adalah berdosa, dan mereka tidak boleh melanggar kuasa Allah. Mereka melahirkan rasa kebimbangan mereka bahawa "roh dan semangat mereka tidak akan diterima oleh Allah", apabila mereka mati nanti.

"Saya takut untuk merobah ciptaan Allah yang dikurniakanNya kepada saya. Saya bimbang sekiranya saya bertindak menjalani pembedahan tukar jantina, Allah tidak akan menerima saya di akhirat kelak. Oleh itu, lebih baiklah saya terus kekal seperti sekarang ini kerana saya percaya semua yang ditentukan oleh Allah mempunyai hikmat-hikmatnya yang tersendiri".

#### 4.4 Masalah Golongan Mak Nyah

##### 4.4.1 Masalah Identiti

Individu yang menganggap dirinya sebagai Mak Nyah sentiasa berhadapan dengan masalah asas iaitu dari segi identiti jantina, siapakah dia yang sebenarnya? Walaupun ada yang merasakan bahawa ia telah mempunyai identiti yang stabil yang tidak perlu lagi dipersoalkan, masih ada ramai yang menanya soalan ini. Masalah bertambah meruncing bila ia didesak oleh ibu bapa, diganggu oleh pihak-pihak tertentu, serta bila ia sedang mengalami kekecewaan.

Menyedari tentang beberapa pilihan yang boleh dipertimbangkan untuk mengurangkan masalah dan tekanan jiwa yang dihadapi oleh Mak Nyah, maka ramai di kalangan mereka memilih untuk menjadi seorang perempuan sejati (tulen). Dengan ini, ia akan menjadi seorang manusia yang sempurna.

Mereka yang ingin menjadi perempuan sejati menghadapi beberapa masalah yang khusus:-

- 1) Mereka mempunyai sifat-sifat lelaki yang ketara yang tidak boleh diubah sepenuhnya dengan penggunaan hormon. Mereka mungkin tidak lulus ujian untuk menentukan samada layak atau tidak untuk menukar jantina.
- 2) Seseorang itu perlu membuktikan bahawa ianya betul-betul merasakan dirinya seorang perempuan.

Dalam kata lain, masalah Mak Nyah jarang sekali melibatkan identiti kendirinya oleh kerana jika ia ingin menganggap dirinya sebagai seorang perempuan, ia boleh menghayati perasaan dan juga identiti ini dengan senang. Masalah timbul apabila identiti kendiri yang dialami ini bercanggah dengan beberapa perkara:

- a) identiti kendirinya tidak serasi dengan identiti fizikalnya, iaitu ia merasa dirinya perempuan tetapi ia merasakan bahawa identiti fizikalnya lebih menunjukkan ciri-ciri lelaki.
- b) ia merasakan bahawa identiti fizikalnya cukup menunjukkan ciri-ciri seorang perempuan tetapi orang lain mempunyai anggapan yang berbeza.

Perasaan sebagai seorang perempuan, serta keinginan untuk bermesra dengan kaum lelaki sementara identiti fizikalnya sebagai seorang lelaki, menimbulkan konflik yang berat di dalam jiwa seseorang itu. Di peringkat akil baligh, seseorang itu tidak memahami tentang apa yang sedang berlaku pada dirinya. Ia juga tidak faham kenapa keluarga dan masyarakat menyuruh ia mengubah sesuatu yang ia tidak faham, tidak mahu dan tidak dapat mengawal langsung.

Ramai di kalangan Mak Nyah menganggap pembedahan tukar seks sebagai penyelesaian kepada masalah identiti mereka. Namun begitu, langkah tersebut menimbulkan beberapa masalah lain pula. Pembedahan dan rawatan memerlukan pembiayaan yang banyak dan ini tidak dimampui oleh mereka yang kebanyakannya berpendapatan rendah. Per-

soalannya ialah samada seseorang itu boleh berfungsi sebagai seorang perempuan ataupun ia akan menyesal di atas tindakannya kelak. Perlu diketahui bahawa bukan semua pembedahan berjaya, malah ada yang tidak berpuashati dengan pembedahan itu.

Mereka yang inginkan penukaran jantina perlu diuji dan dikaji dengan mendalam oleh semua bahagian kepakaran bagi satu jangka masa yang agak panjang untuk menentukan bahawa ianya betul-betul layak untuk penukaran jantina ini. Jikalau didapati bahawa individu ini sememangnya patut dan layak diiktirafkan sebagai seorang perempuan, dan tanpa penukaran jantina ini masyarakat sebenarnya menganiayainya seumur hidup, maka kebenaran perlu diberikan supaya ia boleh menjalani pembedahan dan rawatan yang diperlukan serta diberi taraf yang sah dari segi undang-undang sebagai seorang perempuan.

Mak Nyah yang telah menjalani pembedahan penukaran jantina memerlukan pengesahan undang-undang tentang status baru mereka. Tanpa pengiktirafan undang-undang mengenai jantina baru ini, mereka golongan Mak Nyah masih mempunyai masalah. Berdasarkan perkara ini, Mak Nyah dibenarkan menukar nama mereka pada surat-surat rasmi seperti pada kad pengenalan mereka. Penukaran nama dan jantina dibuat dengan melampirkan bukti pembedahan yang juga memudahkan penukaran pada dokumen-dokumen lainnya.

Oleh yang demikian, peraturan undang-undang ini memberi mak nyah satu jantina yang sah dari segi undang-undang, iaitu jantina yang selaras dengan jantina anatominya yang baru. Pembedahan tukar jantina boleh mengubah kehidupan yang penuh kecemasan dan hampa kepada kehidupan yang penuh erti dan bahagia sebagai manusia biasa.

#### 4.4.2 Undang-undang Negara

Kebanyakan dari undang-undang negara membezakan jantina lelaki dengan perempuan berdasarkan butir-butir peribadi seseorang kepada jantina yang direkodkan dalam rekod peribadi seseorang seperti surat beranak dan kad pengenalan. Surat beranaklah yang akan menentukan segala-galanya seperti lesen memandu, sijil, dokumen dan lain-lain. (Sila lihat Lampiran C)

Masalah yang dihadapi di sini ialah masalah orang yang memegang surat beranak, kad pengenalan, lesen memandu dan lain-lain dokumen yang ditulis "Jantina: Lelaki" tetapi menggunakan tandas perempuan; kerana mereka berpakaian perempuan cukup lengkap dengan gincu bedak, seolah-olah mereka itu perempuan, bercakap dan berlagak seperti perempuan dan menganggap diri mereka perempuan walau-pun dari segi biologinya mereka masih lagi lelaki.

Hingga kini, tidak kurang dari 56 buah statut (Sila lihat Lampiran D) digubal untuk memberi kedudukan yang lebih istimewa kepada kaum perempuan, dengan anggapan bahawa kaum perempuan adalah lemah dan perlukan bantuan dan perlindungan di bawah undangan

undang negara. Perlindungan yang sama tidak diberi kepada kaum lelaki. Persoalan yang timbul di sini, adakah golongan Mak Nyah mendapat keistimewaan sepertimana yang didapati oleh kaum perempuan atau ia masih kekal sebagai seorang lelaki?

Mungkin ramai orang akan mengatakan bahawa negara hanya mengiktiraf dua jantina sahaja, iaitu lelaki dan perempuan. Namun begitu, cuba kita meninjau lebih sedikit ke hadapan di mana ada orang yang diperanakkan sebagai lelaki, dibesarkan sebagai perempuan dan menjalani pembedahan seks di luar negeri dan balik semula ke Malaysia. Persoalan yang mungkin timbul di sini ialah adakah iaanya perempuan atau lelaki?

Kini telah timbul satu pemikiran baru, idea baru dan tanggapan baru yang mencabar konsep tradisional mengenai jantina, yang mengugat kebenaran itu sendiri; iaitu samada wujud atau tidak jantina ketiga. Api persoalan ini disemarakkan pula oleh pandangan umum, tanggapan masyarakat terhadap isu itu dengan mengadakan ruangan dalam akhbar, seminar dan konvensyen untuk merenung kembali samada wujud atau tidak jantina ketiga ini.

#### 4.4.3 Masalah Transeksual Dalam Amalan Agama

Sebilangan besar dari transeksual yang beragama Islam mendedahkan bahawa masalah utama yang dihadapi dalam amalan agama mereka adalah dari segi pakaian sembahyang dan saf (kedudukan) dalam sembahyang. Mereka tidak dapat menentukan samada hendak memakai seperti lelaki (songkok) atau perempuan (telekung) semasa sembah-

yang. Begitu juga dengan saf dalam sembahyang, di mana seorang transeksual boleh berdiri semasa sembahyang jemaah iaitu samada bersama jemaah lelaki atau jemaah perempuan.

"Sukar untuk mengerjakan sembahyang jemaah di masjid kerana tiada saf (barisan) yang khusus untuk Mak Nyah".

Selain daripada itu, para transeksual mengalami masalah kewalian (penjaga lelaki yang berkuasa secara mutlak ketika akad nikah) bagi wanita dalam undang-undang keluarga Islam (munakahat). Kebanyakan transeksual menyatakan bahawa kedudukan mereka yang begini tidak akan melayakkan mereka sebagai wali. Mereka tidak dapat memainkan peranan menikahkan saudara-mara perempuan mereka dalam upacara akad nikah.

Dalam Islam, waris lelaki dan perempuan menerima bahagian yang berlainan dari segi harta pusaka. Biasanya lelaki menerima bahagian yang lebih banyak daripada perempuan. Ramai di kalangan Mak Nyah berpendapat bahawa transeksualisme tidak menimbulkan masalah dalam penerimaan harta pusaka. Mereka tidak keberatan untuk menerima bahagian yang diperuntukan kepada waris perempuan.

Di Malaysia, Akta Pemulihan Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 menentukan perkahwinan dalam masyarakat kita. Seksyen 69 menyatakan bahawa:-

"Suatu perkahwinan..... adalah batal jika:-

.....  
(d) pihak-pihak yang terlibat masing-masing bukannya lelaki dan perempuan".

Persoalan yang timbul di sini, adakah sah perkahwinan seorang Mak Nyah (yang telah menjalani pembedahan tukar seks) dengan seorang lelaki? Sebenarnya peranan dan fungsi institusi perkahwinan dalam masyarakat merupakan perkara yang agak penting sebagai tanggapan terhadap kesahan perkahwinan tersebut.

Satu kes telah muncul di England pada tahun 1970 mengenai persoalan jantina ketiga ini. Dalam Corbett vs Corbett, seorang suami telah berkahwin dengan seorang yang diperanakkan sebagai lelaki tetapi telah menukar jantinanya pada tahun 1960 dengan membuang kemaluan lelakinya dan digantikan dengan faraj palsu. Semenjak itu ia hidup sebagai perempuan. Selepas 14 hari berkahwin, si suami membuat petisyen kepada Mahkamah supaya membatalkan perkahwinan tersebut kerana isterinya adalah lelaki.

Dalam kes di atas, Mahkamah telah memutuskan bahawa perkahwinan itu adalah tidak sah dan batal berpandukan kepada bukti perubatan. Mahkamah berpendapat bahawa perkahwinan adalah suatu institusi yang menjalinkan hubungan antara seorang lelaki dan seorang perempuan, maka sah atau tidaknya sesuatu perkahwinan itu bergantung kepada samada si isteri itu lelaki atau perempuan. Oleh kerana si isteri itu tadi adalah lelaki maka ianya adalah batal. Hakim telah memutuskan atas dasar perubatan bahawa lelaki yang mempunyai kromosom lelaki, gonadal lelaki, genitalnya lelaki dan dari segi psikologinya pondan, maka orang sedemikian masih lelaki, dan perkahwinannya dengan seorang lelaki lain adalah tidak sah.

Dalam dua kes perkahwinan seperti ini, Majlis Agama Islam Sarawak telah mengambil keputusan untuk tidak mengiktirafkan perkahwinan tersebut (Utusan Melayu, 1978). Bagaimanapun di Johor, perkahwinan itu diiktirafkan oleh Jabatan Agama Johor (Utusan Melayu, 1975). Namun begitu, kedua-dua peristiwa tersebut berlaku sebelum keputusan Persidangan Raja-Raja.

Kebanyakan Mak Nyah dalam tinjauan, tidak memberi ulasan sekiranya transeksualisme akan menimbulkan masalah dalam pengkebumian apabila seseorang itu meninggal dunia. Bagaimanapun, daripada mereka yang memberi pandangan ramai yang menyatakan bahawa mereka lebih suka dikebumikan sebagai perempuan. Manakala sebilangan kecil daripada mereka bersikap acuh tak acuh dan menyatakan bahawa mereka akan menyerahkan masalah itu kepada pihak berkuasa agama untuk menjalankan pengkebumian sebagai lelaki atau sebagai perempuan.

#### 4.4.4 'Public Nuisance' (Mudharat Awam)

Perbuatan yang dilakukan oleh Mak Nyah tidak ditafsirkan sebagai jenayah mengikut Perlembagaan Malaysia. Ia hanya dianggap sebagai satu 'public nuisance' semata-mata kerana sering di tempat-tempat tertentu mereka dikatakan mengganggu ketenteraman awam. Umpamanya, mengikut pemerhatian pengkaji bila Mak Nyah ini menaiki bas bersama-sama penumpang-penumpang lain atau berada di Padang Kelab Selangor, mereka sering diganggu dan diusik bukan sahaja oleh orang-orang dewasa tetapi juga oleh kanak-kanak sekolah. Perkara semacam ini menimbulkan keaiban di mata umum.

Kehadiran Mak Nyah di mana juga dalam bentuk memberi khidmat seks, telah mendorong pihak lelaki (pelanggan) lembah perzinaan. Kekerapan melakukan perbuatan tersebut boleh menjadi 'habit' yang sukar dipisahkan dari diri individu tertentu. Akhirnya ia menjadi satu tingkah laku penyelewengan yang sukar untuk diubati. Gejala ini tidak harus digalakkan kerana ianya membolehkan kerendahan dan kejatuhan nilai moral di kalangan ahli masyarakat.

Menurut Pemangku Pengguna Polis, Encik Amidon Anan, kesalahan yang sering dibabitkan dengan golongan Mak Nyah ialah 'public nuisance'. Menurutnya lagi, adalah tidak menjadi satu kesalahan bagi golongan Mak Nyah berada di tempat-tempat awam melainkan kalau ada kegiatan menawarkan diri. Jika terdapat lapuran diterima barulah mereka boleh ditangkap dan seterusnya dihadapkan ke mahkamah kerana berkelakuan sumbang 'mencari pelanggan' (soliciting).

Masalah 'public nuisance' yang dikaitkan dengan golongan Mak Nyah ini sudah menjadi lumrah. Walaupun ada di kalangan Mak Nyah ini tidak berkelakuan sumbang dengan menawarkan diri mereka, namun masyarakat tetap mengecam mereka. Dijangkakan semua Mak Nyah melibatkan diri dalam kegiatan menawarkan perkhidmatan seks. Bak kata pepatah Melayu, "Akibat nila setitik, rosak susu sebelanga". Malah, masalah ini walaupun dihadapi oleh segolongan kecil daripada masyarakat, akan tetapi usaha penyelesaiannya haruslah ditanggung oleh semua lapisan masyarakat.

#### 4.4.5 Pekerjaan

Prospek untuk mendapatkan pekerjaan bagi golongan Mak Nyah adalah agak muram. Ini telahpun dibincangkan oleh pengkaji dalam bab 3. Sebilangan besar daripada mereka gagal untuk mendapatkan pekerjaan terutamanya di pejabat-pejabat, samada mereka berpakaian lelaki dan memohon sebagai lelaki atau berpakaian perempuan dan memohon sebagai perempuan; mereka tidak dipertimbangkan oleh pihak majikan lantaran kegagalan mereka menunjukkan kad pengenalan sebagaimana yang sepatutnya. Justeru itu, tidak memungkinkan bagi mereka mendaftar untuk jawatan yang diinginkan.

#### 4.4.6 Konflik Sesama Mak Nyah

Konflik juga berlaku di kalangan sesama Mak Nyah. Ini dapat dilihat apabila seseorang Mak Nyah yang muda, cantik lagi menawan menjadi saingan kepada Mak Nyah veteran yang sudahpun lanjut usia-nya, pudar kecantikannya serta tidak lagi menawan di mata kaum lelaki. Persaingan ini dapat dilihat khususnya di kalangan Mak Nyah yang melacurkan diri.

Walau bagaimanapun, di kalangan mereka yang sama-sama muda belia, konflik juga sering berlaku. Misalnya seorang Mak Nyah yang mempunyai kedudukan yang baik dari segi pekerjaan, mempunyai gaji yang lumayan serta dikenali ramai akan dicemburui oleh Mak Nyah yang bekerja sebagai pelacur, gaji yang sedikit, kedudukan yang agak tidak tetap serta kurang mendapat perhatian.

Ema, seorang Mak Nyah yang berjaya dalam kariernya sebagai pendandan rambut yang 'professional' dan menyertai berbagai pertunjukan pentas seperti 'Paper Dolls' dan 'Fashion Show' mendedahkan bahawa, dia terpaksa menjaga hati Mak Nyah yang kurang berjaya dalam hidup mereka seperti bekerja sebagai pelacur dan sebagainya. Kalau dia bersikap sompong, dia akan dipukul dan mendapat layanan yang buruk dari golongan Mak Nyah yang kurang berjaya dalam hidup mereka.

#### 4.4.7 Pengambilan Anak Angkat

Ada golongan Mak Nyah yang dibenarkan atau berjaya memohon untuk mengambil anak angkat. Misalnya, permohonan yang dibuat oleh pasangan Melayu (1979/80) yang mana si isteri adalah seorang Mak Nyah yang telahpun menjalani pembedahan tukar jantina. Permohonan mereka telah diluluskan kerana dari semua segi pasangan tersebut telah berkahwin dan telah dapat menyesuaikan diri masing-masing dan memuaskan semua syarat-syarat lain.

Walau bagaimanapun, permohonan ini dibuat sebelum Persidangan Raja-Raja memutuskan bahawa pembedahan tukar jantina adalah dilarang. Samada permohonan yang dibuat oleh golongan Mak Nyah yang kemudiannya untuk mengambil anak angkat akan diluluskan atau tidak masih menjadi tanda tanya.

Motif atau tujuan Mak Nyah mengambil anak angkat ialah untuk dibela dan dipelihara dan juga kerana mereka tidak berkemampuan atau berkeupayaan untuk melahirkan anak. Oleh itu, dengan mengambil

anak angkat mereka dapat mempelajari selok-belok untuk menjadi seorang surirumah serta ibu yang baik kepada anak-anak mereka. Dengan memelihara anak angkat, dijangkakan anak tersebut akan dijadikan sebagai tempat untuk menumpang berteduh ketika di hari tua kelak.

#### 4.4.8 Penangkapan Oleh Pihak Polis

Sebilangan besar dari Mak Nyah yang dikaji, didapati pernah ditangkap oleh pihak polis. Menurut keterangan yang diberi, mereka tidak melakukan sebarang kesalahan mahupun kesalahan kecil atau kesalahan besar.

Sally - "Saya pernah ditangkap dan dimasukkan ke dalam lokap selama sehari kerana dipercayai terlibat dalam kes kecurian. Wah-hal, saya tidak melakukannya. Nasib saya kurang baik kerana saya berada di tempat kejadian sewaktu kecurian itu berlaku. Oleh itu, pihak polis terus sahaja menangkap saya kerana disyaki dan dituduh mencuri".

Keterangan Mak Nyah ini menunjukkan bahawa golongan Mak Nyah sering dipandang negatif oleh masyarakat, tidak kira di mana sahaja mereka berada. Berlakunya sesuatu yang tidak baik atau tidak elok, sering kali dikaitkan dengan golongan Mak Nyah, seolah-olah mereka dilahirkan ke dunia ini semata-mata untuk melakukan kejahatan.

Menurut Pemangku Penolong Penguasa Polis Encik Amidon Anan (Bahagian Pencegah Maksiat dan Perjudian, Polis Kuala Lumpur); kegiatan kesalahan yang sering dikaitkan dengan golongan Mak Nyah ialah kegiatan menawarkan diri atau 'soliciting'. Perkara ini telahpun disentuh oleh pengkaji dalam bab yang sama di bawah tajuk

kecil 'Public Nuisance' (Sila lihat 4.4.4). Apabila berlakunya 'soliciting' dan ada orang yang tampil melaporkannya, maka barulah Mak Nyah ini boleh ditangkap.\*

Encik Amidon Anan menambah, adalah tidak menjadi satu kesalahan bagi golongan Mak Nyah berpakaian perempuan. Baginya, menyamar dan berpakaian adalah jauh bezanya. Jika seseorang berpakaian bagi tujuan menyamar, barulah dikatakan telah melakukan satu kesalahan. Misalnya, orang biasa atau awam yang memakai baju loreng askar telah melakukan kesalahan menyamar. Begitu juga dengan kehadiran golongan Mak Nyah di tempat-tempat awam, bukanlah merupakan satu kesalahan.

#### 4.4.9 Sikap Keluarga

Sikap keluarga yang diambil kira di sini melibatkan keluarga terdekat Mak Nyah iaitu yang terdiri daripada ibu bapa dan juga adik-beradik mereka. Dalam bab yang lalu (bab 3), di bawah tajuk kecil "Sikap keluarga terhadap pakaian silangan" dan "Sikap keluarga terhadap transeksualisme"; membayangkan sikap keluarga terhadap fenomena Mak Nyah.

---

\* Sila lihat Lampiran E bagi lain-lain jenis kesalahan yang sering dikaitkan dan dilakukan oleh golongan Mak Nyah.

Secara umumnya, bolehlah disimpulkan bahawa keluarga terdekat Mak Nyah yang pada awalnya menolak tindakan Mak Nyah ini, kemudiannya berubah fikiran dan secara beransur-ansur menerima mereka. Walau bagaimanapun, didapati bahawa adik-beradik perempuan lebih mudah menerima transeksualisme dari adik-beradik lelaki.

Sikap keluarga yang menolak ataupun menentang perbuatan atau tindakan transeksual akan meninggalkan kesan negatif ke atas jiwa Mak Nyah. Sebaik-baiknya keluarga haruslah cuba memahami keadaan mereka, bertindak dengan memberi kata-kata nasihat dan melapangkan masa bagi anak-anak atau adik-beradik mereka yang tersepit dalam dunia Mak Nyah ini, agar dapat bimbingan keluarga.

#### 4.4.10 Sikap Masyarakat

Seperti kebanyakan perkara, tentu sahaja terdapat dalam masyarakat kita mereka yang menerima dan mereka yang menolak fenomena Mak Nyah. Majoriti masyarakat Malaysia dikatakan bersikap tidak mahu menerima transeksualisme dan hanya segelintir sahaja yang memahami atau menerima fenomena Mak Nyah ini.

Kebanyakan Mak Nyah mendedahkan bahawa mereka sering dihina, dipersenda dan ditertawakan oleh masyarakat umum. Masalah penyihian oleh masyarakat menjadi ketara apabila dunia heboh dengan isu penyakit AIDS, di mana golongan Mak Nyah sering dikaitkan sebagai pembawa kuman AIDS, akoran dari hubungan seksual yang dilakukan oleh mereka.

"Masyarakat mendapati kami ganjil dan akan mentertawakan kami. Mereka memandang rendah terhadap kami. Mereka membenci Mak Nyah, memaki dan memperkecil-kecilkan kami. Oleh itu, kami rasakan diri kami terasing dari masyarakat umum. Malah, kami disisih dan tersisih dari masyarakat".

#### 4.5 Penyelesaian Masalah Mak Nyah

##### 4.5.1 Peranan Agama Islam

Islam hendaklah diberikan hak sepenuhnya untuk mentadbir negara demi melindungi dan memelihara hak seluruh rakyat, negara yang berbilang agama dan bangsa. Misalnya seperti keputusan fatwa hasil Persidangan Raja-Raja yang memutuskan larangan pembedahan tukar jantina ke atas golongan Mak Nyah, bukan sahaja dikenakan kepada Mak Nyah yang beragama Islam, tetapi haruslah juga dikenakan ke atas mereka yang bukan Islam. Di sinilah terletaknya keadilan dalam sistem pemerintahan. Bukan setakat mengenakan hukuman kepada setengah-setengah pihak manakala pihak yang lainnya terlepas dari hukum tersebut.

Golongan Mak Nyah hendaklah diperyakinkan bahawa mereka adalah lelaki. Mereka diharamkan oleh Allah serta dilaknat jika mereka bertindak dengan merangsangkan lagi sifat-sifat keperempuanan mereka dengan memakai pakaian perempuan, 'make-up' seperti orang perempuan, memakan pil hormon dan menyuntik hormon ke dalam badan mereka bagi membesarkan buah dada, melicinkan kulit, membentuk tulang punggung yang lebih besar seperti orang perempuan atau dalam kata lain, meningkatkan hormon perempuan (estrogen) dalam tubuh mereka. Lebih-lebih lagi mereka bertindak dengan menjalani pembedahan tukar jantina. Semua perkara di atas adalah bertujuan

untuk merobah ciptaan Allah, sedangkan perbuatan itu disamakan dengan perbuatan syaitan. Walaupun mereka berhadapan dengan berbagai pertentangan batin, tetapi berkat simpati daripada semua pihak, keadaan-keadaan ini akan dapat diatasi.

Kefahaman dan penghayatan Islam perlu dipertingkatkan agar Islam dapat meresapi di dalam kehidupan mereka. Mereka harus diberi bimbingan agama mengenai halal haram perbuatan mereka oleh pihak berkuasa agama Islam. Dengan mendekatkan diri mereka dengan Islam, insyaallah mereka dapat menempuh cabaran hidup di dunia ini. Mereka haruslah bertaqwa, beriman, beribadah kepada Allah S.W.T. Moga-moga mereka bersabar menghadapi dugaan tuhan.

#### 4.5.2 Peranan Kerajaan

Kerajaan hendaklah menyedari bahawa Mak Nyah adalah sebahagian daripada anggota masyarakat yang berhak mendapat keistimewaan dan bertanggung jawab melaksanakan tugas sebagai warganegara yang sihat. Ini ialah selama mana mereka tidak melewati batasan-batasan syarak serta undang-undang negara.

Setakat ini, kerajaan masih bersikap dingin terhadap golongan Mak Nyah, lebih-lebih lagi untuk mendapatkan pekerjaan. Jumlah mereka yang bekerja sendiri atau dengan pihak swasta lebih ramai daripada yang bekerja dengan pihak kerajaan. Jarang sekali golongan Mak Nyah ini berpeluang menjawat jawatan di pejabat-pejabat kerajaan.

Usaha Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam membantu golongan Mak Nyah menubuhkan satu persatuan berdaftar sangat dialu-alukan. Persatuan Mak Nyah Wilayah Persekutuan, menurut Encik Wong Sui Leong (Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan); diberi berbagai macam bantuan. Di antaranya ialah dengan membuka kedai salun dan kedai jahitan dilengkapi dengan perkakasnya sekali. Dari itu, golongan Mak Nyah dapat berdikari dan berpeluang menjadi anggota masyarakat biasa.

Khidmat kaunseling yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat juga adalah satu langkah yang bijak. Bagi golongan Mak Nyah yang memerlukan khidmat nasihat serta bantuan lainnya, bolehlah mendapatkannya dari kaunseling. Ini sedikit sebanyak dapat meredakan tekanan jiwa pada diri Mak Nyah dan seterusnya membantu mereka dalam menjalani hidup yang penuh dengan ranjau berduri.

Pihak-pihak yang berkenaan dalam negara lebih-lebih lagi pihak kesihatan mestilah bersedia membantu apa sahaja yang dapat mengekal-kan identiti Mak Nyah sebagai lelaki. Umpamanya, langkah pihak kesihatan dan perubatan yang menyambut baik keputusan fatwa. Dengan ini, surat pekeliling diedarkan sebagai menyokong keputusan fatwa.

Kajian-kajian ilmiah haruslah dipergiatkan dari semasa ke semasa dalam usaha membantu golongan Mak Nyah yang tersepit di antara kehendak individu dengan kehendak agama. Menerusi kajian-kajian ilmiah ini, masyarakat dapat pemahaman yang lebih jelas mengenai Mak Nyah dan seterusnya menerima mereka sebagai anggota masyarakat biasa.

#### 4.5.3 Peranan Masyarakat

Selalunya, apabila berhadapan dengan sesuatu yang luar biasa, yang tidak pernah dialami dan tidak difahami, manusia akan mengjudkan beberapa reaksi seperti; menafikan masalah itu wujud, menganggap masalah ini terlalu kecil untuk diberikan perhatian, menafikan tanggung jawab terhadap masalah itu, mengenakan hukuman tanpa betul-betul memahami apa yang hendak dihukum itu, menganggap fenomena itu sebagai satu bahaya yang akan meruntuhkan nilai moral masyarakat dan juga mencari mana-mana pihak untuk disalahkan tanpa bertindak untuk mengatasi masalah tersebut.

Masyarakat yang berilmu tidak cuba menafikan kewujudan masalah malah, cuba menghadapinya dengan penuh azam. Masyarakat harus sedar bahawa mereka turut terlibat secara langsung atau tidak langsung sebagai sebahagian dari punca kewujudan dan dilema Mak Nyah. Kefahaman yang mendalam terhadap fenomena ini serta kerjasama dan sokongan semua pihak diperlukan sebelum usaha yang berkesan boleh dirancangkan.

Pihak ibu bapa dan penjaga disyorkan supaya memberi perhatian yang lebih kepada anak-anak yang sedia lemah peribadi mereka. Mereka sepatutnya dibimbing ke jalan yang lebih baik atau diberi rawatan. Pihak orang ramai pula sepatutnya tidak boleh mencaci Mak Nyah. Meraka seharusnya diberi nafas baru untuk hidup dengan lebih normal dan bermakna sebagai manusia biasa. Dengan itu, barulah akan tercapai keadilan sosial.

## 5. Kesimpulan

Mengikut ukuran pengkaji, sikap yang ditunjukkan oleh masyarakat umum, terutama masyarakat tempatan terhadap fenomena Mak Nyah adalah neutral. Sebagai satu perbandingan, jika ada satu pihak atau kumpulan dalam masyarakat yang melakukan kerja-kerja sosial yang boleh memberi kebajikan kepada umum, mereka biasanya akan mendapat penghargaan dan sanjungan daripada orang ramai. Sebaliknya, jika mereka melakukan sesuatu yang mendorong kepada keruntuhan nilai dan akhlak masyarakat, maka mereka akan mendapat kecaman dan cemuh daripada masyarakat.

Dalam kes transeksualisme, walaupun pada dasarnya membawa kepada keruntuhan moral dan kerendahan akhlak, namun ianya hanya dipandang sepi oleh semua pihak dalam masyarakat tempatan. Jarang terdengar apa-apa ulasan samada ulasan yang menyokong ataupun mengecam pelakuan ini. Pengkaji beranggapan bahawa sikap sedemikian timbul di kalangan masyarakat kerana ada setengah pihak yang mahukan gejala itu terus kekal dalam masyarakat. Ada pula pihak yang berpendapat gejala ini tidak membawa kepada keruntuhan nilai-nilai sosial, kerana mereka yang terlibat amat kecil bilangannya.

Haruslah diingat bahawa bilangan Mak Nyah semakin meningkat setiap hari. Oleh kerana gejala pertambahan ini adalah satu perkara yang tidak harus digalakkan kerana di samping ianya satu penyelewengan tingkahlaku, sifatnya juga boleh merendah dan menjatuhkan nilai moral ahli masyarakat. Mereka seharusnya diberi nafas baru untuk hidup dengan lebih normal dan lebih bermakna sebagai manusia biasa.

Golongan Mak Nyah ini perlukan bimbingan yang dapat membantu mereka didalam beberapa aspek yang penting seperti:-

a) Mengenali dan menerima diri

Penjelasan tentang bagaimana sahsiah mereka terbentuk, bagaimana mereka sentiasa berubah dan bagaimana mereka boleh mengubah aspek-aspek kehidupan mereka yang tertentu. Penekanan perlu diberikan kepada kesedaran tentang keunikan diri mereka serta memahami anggapan mereka tentang jantina.

b) Kaedah menghadapi ketegangan jiwa

Termasuklah di sini kaedah menghadapi tekanan dan gangguan masyarakat dan keluarga mereka.

c) Membentuk satu falsafah hidup yang pasif termasuk tentang putaran seumur hidup mereka.

d) Mengenalpasti alternatif yang boleh mereka ambil untuk mengatasi masalah-masalah hidup dengan menggunakan kaedah membuat keputusan.

e) Memahami keperluan seks serta cara-cara mengendalikannya dengan berkesan.

Faktor utama di dalam menyelesaikan masalah kaum Mak Nyah adalah mereka sendiri, tetapi mereka memerlukan bantuan dan pertolongan di dalam aspek-aspek tertentu yang memerlukan kemahiran dan kepakaran. Mereka perlu digalakkan mengujudkan persatuhan

yang dapat memberikan sokongan kepada ahli-ahlinya serta dapat mengawal dan mengarahkan kegiatan mereka secara positif dan memanfaatkan diri mereka dan masyarakat.

Mak Nyah sering dapat menyelesaikan masalah mereka sendiri jika mereka diberi peluang untuk menyatakan sendiri peranan seks yang sesuai dan yang menyenangkan bagi mereka. Sifat-sifat yang nyata terdapat pada Mak Nyah ialah ingin diiktiraf dan diberi perhatian serta diterima oleh masyarakat.

Dari segi kesihatan, setiap individu berhak menikmati taraf kesihatan yang terbaik, bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga dari segi mental dan sosial. Mereka berhak menjalani pembedahan tukar jantina seperti setiap individu mempunyai hak sedikit sebanyak untuk melakukan apa sahaja yang mereka suka terhadap tubuh badan mereka sendiri. Sikap persekitaran sosial terhadap transeksualisme sepatutnya bersimpati dan mengizinkan dan mudah-mudahan sikap ini akhirnya akan memudahkan Mak Nyah menjalani hidup yang sempurna dan memuaskan yang sewajarnya mereka nikmati.

Transeksualisme ialah penyimpangan seks yang terdapat dalam semua masyarakat dan budaya. Keinginan untuk menjalani pembedahan tukar seks menjadi pilihan utama bagi kehidupan para Mak Nyah. Keimbangan dan kekeliruan yang dilahirkan oleh mereka adalah mendesak. Keperluan yang paling utama untuk bantuan bukan hanya dari segi perubatan, tetapi juga daripada masyarakat.

Golongan Mak Nyah perlu mendapat sokongan dari semua pihak. Mereka haruslah diberi peluang dalam bidang pekerjaan supaya mereka tidak perlu terlibat di dalam kegiatan yang dianggap salah dari segi undang-undang negara, agama dan moral masyarakat. Mereka umumnya mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu yang boleh digembeling dan dipupuk supaya ianya membentuk kegiatan yang dapat menghasilkan pendapatan yang berpatutan bagi menyara kehidupan mereka. Peluang latihan dan kemahiran yang diperlukan patut diberi kepada mereka sebagai anggota masyarakat Malaysia.

Mak Nyah sebagai satu kelompok manusia yang sering tertindas memerlukan fahaman dan pembelaan semua. Fahaman dan pembelaan ini hanya dapat dilakukan jika sekiranya identiti dan perwatakan Mak Nyah itu dapat dijelaskan. Ini merupakan satu cabaran kepada semua yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti membantu mereka yang tertindas ini. Keseluruhaninya, mereka perlukan masyarakat yang rela menerima mereka sebagai manusia yang berguna, dihormati dan mempunyai banyak masalah yang rumit serta dengan perasaan terkedal dalam kerana disisih dan diabaikan.

Dengan ini juga, adalah disyorkan bahawa pihak ibu bapa dan penjaga seharusnya memberi perhatian yang lebih kepada anak-anak yang sedia lemah peribadi mereka. Jika mereka didapati lemah secara 'psychological' mereka sepatutnya diberi perhatian dan rawatan. Mereka harus mendapat bimbingan keluarga dan tidak dibiarkan termumbang-ambing sendirian.

Walau bagaimanapun, mengikut kacamata Islam, transeksualisme sebagai suatu pemberian Allah kepada segolongan hambaNya adalah merupakan hakikat yang tidak dapat dielakkan. Mereka yang mengalami keadaan ini, tidak dikira aib di sisi Allah kerana Allah sendiri yang mengkehendaki sedemikian.

Mereka ini sebenarnya lelaki, dan dalam semua bentuk hubungan adalah sebagai lelaki samada dari segi hak keistimewaan ataupun tanggung jawab. Keadaan kontroversi yang mereka alami akan dapat diatasi melalui bimbingan yang berkesan, penglibatan semua pihak dalam usaha membantu dan penglibatan mereka sendiri dalam semua aspek hidup tanpa sebarang diskriminasi.

Sebarang usaha ke arah merangsangkan penyesuaian sebagai seorang perempuan haruslah dijawuhkan. Sebelum sampai ke peringkat kuatkuasa undang-undang, pensisian dalaman mengenai keislaman dan apa-apa asas agama bagi mereka yang bukan beragama Islam adalah satu keperluan.

Semua aspek penilaian kepada masalah Mak Nyah samada sosial, psikologi, perubatan dan undang-undang mestilah melalui kacamata Islam sebagai Ad Din (Sistem Hidup Yang Menyeluruh). Namun begitu, terpulanglah kepada Mak Nyah itu sendiri untuk memilih alternatif yang dirasakan cocokbuat dirinya. Dalam hal ini, pengkaji yakin bahawa Islamlah sebagai alternatif yang terbaik.

## BIBLIOGRAFI

### SENARAI AKHBAR

1. Berita Harian 29 Jun 1988.
2. Malay Mail 23 Julai 1988.
3. Utusan Malaysia 11 Jun 1988.
4. Utusan Malaysia 29 April 1988.
5. Utusan Malaysia 29 September 1988.
6. Utusan Melayu 6 Julai 1974.
7. Utusan Melayu 6 November 1975.
8. Utusan Melayu 20 September 1978.
9. Utusan Melayu 28 September 1978.

### SENARAI JERNAL

1. Belli M.M., Transexual Surgery: A New Tort? The Journal of the American Medical Association, 239 (20), 2143 - 2144, 1978.
2. Benjamin H & Ihlenfeld C.L., Transexualism: The American Journal of Nursing, 73, p. 461 - 467, 1973.
3. Lukianowcz N., Survey of various aspect of transvestism. Journal Nervous and Mental Disease, 128, 36 - 64, 1959.
4. Pauly I.B., The Current Status of the Change of Sex Operation. The Journal of Nervous and Mental Disease, 147 (5), p. 460 - 463, 1968.
5. Traitz J., The Legal Consequences of a Sex Change - A Judicial Dilemma. The South African Law Journal, 97 (1), p. 65, 67, 1980.
6. Tsoi W.P., Kok L.P. & Long P.Y., Males Transexualism in Singapore: A Description of 56 Cases. The British Journal of Psychiatry, 131, p. 405, 1977.

SENARAI BUKU

1. American Psychiatric Association, Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders, 3rd ed. Washington D.C. : American Psychiatric Association, p. 261, 1980.
2. Bowman K.M. & Engle B., Sex Offences : The Medical and Legal Implications of Sex Variations. Law and Contemporary Problems, 25, p. 292, 305, 1960.
3. Carrera M., Sex, the facts, the acts and your feelings, Crown Pub., Inc. New York, 1981.
4. Clifton D.Bryant, Sexual Deviancy In Social Context : New Viewpoint. A Division of Franklin Watts, New York (London), 1977.
5. Connell W.F., Asas Penyelidikan, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.
6. DSM III, American Psychiatric Association, 1980.
7. Fleinbloom D.H., Transvestites and Transexuals, Mixed Views. A Delta Book Dell Pub. Co, Inc. Dag Hammarskjold Plaza, New York, 1977.
8. Green R.L., Transexualism : Mythological, historical and crosscultural aspects. In Benjamin H., The Transexual Phenomenon, New York : Julian Press, 1966.
9. Mazanah Hj Abd. Rahman, Noraini Hj Md. Hashim & Norbayah b. Ariffin, Memahami Corak Kehidupan Masyarakat Pondan Serta Implikasinya Terhadap Masyarakat Di Malaysia, Universiti Sains Malaysia, 1984.
10. Mc Cary J.L., Mc Cary's Human Sexuality, D.Van Nostranc Co, New York, 1978.
11. Meyers D.W., The Human Body and the Law : A Medico-Legal Study, Edinburgh : Edinburgh University Press, p. 48, 1970.
12. Money J. & Walker P.A., Counselling the Transexual. Handbook of Sexology (ed) Money J. & Musaph H. Amsterdam : Elsevier!North Holland Biomedical press, 1977.

13. Parker G. & Barr R., Parental Representations of Transexuals, Archives of Sexual Behaviour, 11, 3, p. 221 - 230, 1982.
14. Pauly I.B., Male Psychosexual Inversion: Transsexualism, Archives of General Psychiatry, 13 : 172, 1965.
15. Roberto L.G., Issues in diagnosis and Treatment of Transexuality, Archives of Sexual Behaviour, 12, 5, 445 - 473, 1983.
16. Tollison C.D. & Adams H.E., Sexual Disorders : Treatment, Theory and Research. Gardner Press, New York, 1979.
17. Traub, Stuart & Little Craig (ed), Theories of Deviance, Illinois, Peacock Publishers, 1975.
18. Wan Hashim, (Penyunting) Kaedah Penyelidikan Sosial, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.

#### SENARAI KAMUS

1. Awang Sudjai Hairul (Penyunting) Kamus Times, Bahasa Inggeris - Bahasa Malaysia, Petaling Jaya, Times Educational, 1987.
2. Homby, Parnwell, Daud Baharum & Asraf, Kamus Pembaca Inggeris Melayu, Kuala Lumpur, Fajar Bakti, 1972.

#### LAIN-LAIN

1. Al-Quran dan Terjemahannya, Kuala Lumpur, Pustaka Antara, 1976.
2. Kerajaan Malaysia, Law of Malaysia Review, Kuala Lumpur, Percetakan Kerajaan, 1972.

SENARAI KERTAS KERJA DAN LATIHAN ILMIAH

1. Aliudin Hj. Yaacob,  
Pondan Lacur di Kuantan : Satu Tinjauan Mengenai Gaya Hidup,  
Latihan Ilmiah (BA), Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U.M., Kuala Lumpur, 1978/79
2. Eleanor M.,  
The Relational and Adaptional Problems of Male Homosexuals, Latihan Ilmiah (BA), Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U.M., Kuala Lumpur, 1984/85.
3. Seminar Mak Nyah,  
Kertas-kertas Kerja Seminar Mak Nyah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1987.
4. Wan Halim Othman,  
Profil Peribadi dan Sosio-ekonomi Masyarakat Mak Nyah. Dibentangkan kepada Penal mengenai Mak Nyah, Kementerian Kebajikan Masyarakat, 1987.
5. Yuet Kit Lee,  
Socio-Legal Aspects of Transsexualism and Sex Reassignment Surgery, Kertas Projek, 1983/84.